



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.49 | SUBUH 4.59 | SYURUK 6.22 | DUHA 6.47 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.40 | MAGHRIB 6.13 | ISYAK 7.28 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 152

20 DISEMBER 2023 / 1445 هـ 7

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tiga jenis doa mustajab yang tidak diragukan keizinannya adalah doa orang tua untuk anaknya, doa orang musafir dan doa orang yang dizalimi".
- Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihnilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. WahsabunAllahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.'

- Tital Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Tarik minat guru pelajari seni khat dengan betul

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Disember. - Awang Alomsa Nor Adzmin bin Haji Ali Omar yang mendapat markah 83 peratus, dinobatkan sebagai juara bagi Kategori Terbuka pada Pertandingan Seni Khat Peringkat Kebangsaan 1445H/2023M sempena Sambutan Hari Guru Ke-33 Tahun 2023.

Pada Majlis Penyampaian Hadiah pertandingan berkenaan yang berlangsung di Dewan Ma'rifah, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB), Awang Alomsa Nor Adzmin menerima wang tunai berjumlah BND2,000.

Manakala tempat kedua dimenangi oleh Awang Muhammad Riziman bin Haji Usin dengan memperoleh markah 81 peratus dan membawa pulang wang tunai berjumlah BND1,500, disusuli oleh Awang Muhammad Azizi bin Haji Mohd. Jamil yang mendapat 80 peratus markah dan memenangi wang tunai berjumlah BND1,000.

Bagi Kategori Pendidik Lelaki pula, tempat pertama dimenangi oleh Awang Haji Mohammad Fajri bin Haji Idris dengan membawa pulang wang tunai berjumlah BND500, diikuti tempat kedua yang disandang oleh Awang Muhammad Riziman yang memenangi wang tunai berjumlah BND400 dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Muhammad Azizi yang memenangi wang tunai berjumlah BND300.

>> Muka 5

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Masjid Baharu RPN Kampung Mengkubau.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Disember. - Tiga buah tapak projek iaitu Projek Pembinaan Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang dan Projek Pembinaan Masjid Baharu RPN Kampung Mengkubau merupakan kedua-duanya di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara

(RKN) Ke-11.

Manakala satu lagi tapak projek iaitu Projek Tambahan Bangunan Masjid Kampung Sungai Buloh adalah di bawah peruntukan Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 3

Terus komited beri perkhidmatan kesihatan berkualiti

Oleh : Haniza Abdul Latif

RIMBA, Isnin, 18 Disember. - Pengiktirafan Joint Commission International's (JCI) Gold Seal of Approval® memberikan jaminan kepada masyarakat, bahawa Panaga Health komited untuk menyediakan penjagaan pesakit yang selamat, berkualiti dan berkesan sambil mematuhi amalan industri

terbaik.

Di samping itu, pusat berkenaan juga berharap pengiktirafan tersebut akan memberi keyakinan tambahan kepada orang ramai untuk datang berjumpa mereka, walaupun mereka terus berkhidmat kepada pelanggan-pelanggan Syarikat Brunei Shell Petroleum Company Sdn. Bhd. (BSP).

>> Muka 3

3 pelajar NBD terima Biasiswa Pendidikan Belia

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Tiga pelajar dianugerahkan Biasiswa Pendidikan Belia Negara Brunei Darussalam - Republik Singapura Sesi Akademik 2023 / 2024 untuk mengikuti pengajian peringkat menengah di Republik Singapura yang akan bermula pada Januari 2024.

Majlis Penganugerahan dan Menandatangani Perjanjian bagi Skim Biasiswa berkenaan berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

>> Muka 4



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

f Pelita Brunei @pelitabrunei t pelitabrunei

Berita Utama



BANTU belia siap siaga, berakhlik mulia

Muka 6



BMR sambut Hari Anti-Rasuah Antarabangsa

Muka 8



TINGKAT kesedaran belia kepentingan menjaga alam sekitar

Muka 9



Warisan

PERTAHANKAN jati diri, identiti bangsa melalui permainan tradisi

Muka 20

Latihan CPR beri Pertolongan Cemas yang betul, berkesan kepada yang memerlukan

Bismillahir Rahmanir Rahim
 Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu
 Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-l-Wal
 Mursalin, Sayyidina Muhammaddin
 Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'iin

Assalamualaikum
 Warahmatullahi Wabarakatuh
 dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alai kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini di Majlis Penyampaian Sijil Latihan Pertolongan Cemas dan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) serta penyampaian alat AED dan First Aid Bag bagi penghuni-penghuni Rumah Panjang Kampung Semabat dan penduduk persekitarannya dan juga penghuni-penghuni Rumah Panjang Kampung Amo. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum keluarga dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kesihatan merupakan satu nikmat yang tidak ternilai yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'alai. Kesihatan yang baik perlu disyukuri, dipelihara dan dijaga bagi membolehkan kita untuk menjalankan tugas dan pekerjaan dengan baik dan sempurna serta dapat menikmati kehidupan yang sejahtera. Dalam penjagaan kesihatan yang baik, pencegahan awal penyakit serta mendapatkan pertolongan atau intervensi awal dalam keadaan-keadaan tertentu adalah antara perkara penting bagi mengelakkan sesuatu penyakit ataupun perkara-perkara yang tidak diingini untuk berlaku.

Ini termasuk juga kemalangan dan kecemasan yang boleh berlaku pada bila-bila masa dan tempat, di mana tindakan awal yang betul dan cepat, seperti Pertolongan Cemas (First Aid) dan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) boleh meningkatkan prospek pemulihan serta menyelamatkan nyawa mangsa apabila berlakunya kecemasan Pertolongan Cemas atau First Aid adalah rawatan pertama atau langkah paling awal yang diberikan dengan tujuan utama untuk menyelamatkan nyawa. Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk mengelakkan sebarang kecederaan untuk menjadi lebih teruk bagi seseorang yang ditimpakan kemalangan, membantu kepulihan atau recovery, melegakan pesakit dan melindungi orang yang tidak sedarkan diri, sebelum sebarang intervensi atau rawatan lanjut perubatan diberikan oleh para profesional perubatan.

Manakala CPR atau Cardiopulmonary Resuscitation adalah satu kaedah prosedur kecemasan yang boleh menyelamatkan nyawa seseorang yang tiba-tiba rebah, pengsan atau mengalami serangan jantung terhenti mengejut (atau *cardiac arrest*). Prosedur CPR boleh meningkatkan peluang untuk hidup atau survival dengan membantu penerusan pengedaran darah dan bekalan oksigen kepada otak sehingga pesakit mendapat rawatan yang lebih khusus daripada para profesional perubatan melalui perkhidmatan ambulans atau perkhidmatan kecemasan di fasiliti-fasiliti kesihatan.

Dengan itu, Latihan dalam Pertolongan Cemas dan CPR merupakan satu latihan asas yang sangat berguna dan tinggi manfaatnya yang perlu diterapkan dan diperluaskan kepada semua lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Latihan seperti ini boleh meningkatkan kemahiran serta keyakinan orang awam

untuk memberikan Pertolongan Cemas yang betul dan berkesan kepada mereka yang memerlukan.

Sebagai salah satu kaedah untuk menyampaikan kesedaran tentang kepentingan memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam Pertolongan Cemas dan CPR, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa aktiviti Jangkauan Masyarakat atau *Community Outreach*, khusus bagi penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman di mana perkhidmatan kecemasan tidak dapat dicapai dengan segera.

Pihak Kementerian Kesihatan telah pun menganjurkan Latihan Pertolongan Cemas dan CPR di Daerah Belait iaitu di Mukim Melilas dan Mukim Sukang pada tahun 2019 dengan jumlah peserta seramai 58 orang, dan seterusnya pada tahun 2020 di Mukim Bukit Sawat dan Mukim Labi, di mana seramai 52 peserta telah dilatih dalam Pertolongan Cemas dan CPR.

Sebagai kesinambungan daripada aktiviti Community Outreach tersebut, Latihan Pertolongan Cemas dan CPR telah dilaratkan ke Daerah Temburong yang mana saya telah dimaklumkan seramai 23 peserta yang terdiri daripada penghuni Rumah Panjang dan Ahli Jawatankuasa Majlis Perundungan Kampung, Kampung Semabat, telah mengikuti Latihan Pertolongan Cemas dan CPR yang telah dianjurkan dan dikendalikan oleh Jawatankuasa Kursus Latihan di bawah Lembaga Resusitasi Kebangsaan (atau National Resuscitation Board), Kementerian Kesihatan pada Ahad, 12 November 2023.

Selain itu, saya juga difahamkan bahawa para peserta juga telah dilatih dalam penggunaan alat AED (Automated External Defibrillator device) yang boleh digunakan pada situasi kecemasan yang tertentu.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Latihan Pertolongan Cemas (First Aid) dan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) serta Penyampaian Alat AED dan First Aid Bag bagi penghuni-penghuni Rumah Panjang Kampung Semabat dan penduduk persekitarannya pada Ahad, 19 November 2023 di Rumah Panjang Kampung Semabat dan Rumah Panjang Kampung Amo B, Temburong.

InsyaAllah, alat AED, dan First Aid Bag, serta risalah-risalah kesihatan akan diserahkan pada hari ini bagi keperluan kecemasan di Rumah Panjang Kampung Semabat dan Rumah Panjang Kampung Amo.

Saya amat berbesar hati dengan respons positif daripada para peserta daripada Kampung Semabat yang ikut serta dalam latihan berkenaan. Ini menunjukkan keprahitinan, komitmen serta kesedaran penduduk-penduduk terhadap kepentingan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan warga penduduk di mukim ini.

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG

| DISEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAKHIR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|--------------------|--------|------------------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 20 | RABU | 7 | 4.49 | 4.59 | 6.22 | 6.47 | 12.19 | 3.40 | 6.13 | 7.28 |
| 21 | KHAMIS | 8 | 4.49 | 4.59 | 6.23 | 6.47 | 12.19 | 3.41 | 6.13 | 7.28 |
| 22 | JUMAAT | 9 | 4.50 | 5.00 | 6.23 | 6.48 | 12.20 | 3.41 | 6.14 | 7.28 |
| 23 | SABTU | 10 | 4.50 | 5.00 | 6.24 | 6.48 | 12.20 | 3.42 | 6.14 | 7.29 |
| 24 | AHAD | 11 | 4.51 | 5.01 | 6.24 | 6.49 | 12.21 | 3.42 | 6.15 | 7.29 |
| 25 | ISNIN | 12 | 4.51 | 5.01 | 6.25 | 6.49 | 12.21 | 3.43 | 6.15 | 7.30 |
| 26 | SELASA | 13 | 4.52 | 5.02 | 6.25 | 6.50 | 12.21 | 3.43 | 6.16 | 7.30 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



| RABU | | KHAMIS | | JUMAAT | |
|--|-------|--------|-------|--------|-------|
| Bandar Seri Begawan | | | | | |
| 32 | 26 °C | 32 | 25 °C | 31 | 25 °C |
| Pekan Bangar | | | | | |
| 32 | 26 °C | 32 | 25 °C | 31 | 25 °C |
| Pekan Tutong | | | | | |
| 32 | 26 °C | 32 | 25 °C | 31 | 25 °C |
| Kuala Belait | | | | | |
| 32 | 26 °C | 32 | 25 °C | 31 | 25 °C |
| WallahuAlam Bissawab | | | | | |
| Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi | | | | | |

SIDANG PENGARANG 20 DISEMBER 2023

Warga emas mainkan peranan penting dalam masyarakat

WARGA emas memainkan peranan penting dalam masyarakat kerana mereka mempunyai banyak pengalaman hidup yang boleh mereka kongsikan sebagai ilmu pengetahuan, warisan budaya, dan panduan hidup. Mereka boleh menyumbang kebijaksanaan mereka serta memberikan bimbingan kepada generasi muda, dan mereka juga boleh memainkan peranan sebagai penjaga atau mentor. Selain itu, kemahiran dan perspektif mereka akan dapat banyak menyumbang kepada kedayatahan sesebuah masyarakat itu.

Selain itu, warga emas juga adalah golongan yang penting yang perlu kita jaga dan hargai kerana selain daripada membawa banyak pengalaman dan kebijaksanaan, kisah-kisah hidup mereka boleh dijadikan sumber sejarah yang sangat bernilai. Pengajaran daripada kehidupan mereka sebelum ini boleh membimbing dan memberi inspirasi kepada generasi muda dan ini akan memupuk rasa hormat, penghargaan dan kesinambungan dalam masyarakat.

Meluangkan masa bersama mereka, mendengar kisah-kisah kehidupan yang mereka kongsikan secara aktif, menzahirkan rasa hormat kita kepada mereka adalah antara cara kita boleh membuat mereka berasa dihargai dan masih berguna kepada masyarakat. Sebagai golongan muda kita juga boleh membantu warga emas dengan cara menolong mereka dengan perkara-perkara kecil yang memberi makna besar seperti membantu mereka mengangkat barang berat dan sebagainya. Apabila ada acara-acara khusus untuk meraikan warga emas, adalah baik untuk kita menyertai majlis-majlis tersebut sebagai pengiktirafan ke atas sumbangan mereka dan juga untuk memastikan kesejahteraan mereka terjaga.

Walaupun sudah mencelik umur yang lanjut, ini tidak bermakna warga emas tidak boleh memainkan peranan aktif dalam masyarakat. Untuk menjadikan warga emas berasa tidak tersingkir, kita boleh menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh merapatkan silaturahim di antara generasi muda dan tua. Melalui aktiviti-aktiviti ini kita menyediakan ruang yang boleh diakses oleh warga emas yang akan menggalakkan mereka untuk bersosial. Kita perlu melibatkan mereka dan memberi dorongan kepada mereka untuk turut serta dalam perbualan, memberi pendapat dan mengongsikan pengalaman mereka serta dalam proses membuat keputusan. Selain itu, kita sebagai golongan muda juga perlu memainkan peranan aktif dalam meningkatkan kesedaran dan menghilangkan stereotaip tentang penuaan dan membantu mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif untuk warga emas.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh At-Tirmidzi, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya : "Daripada Anas bin Malik katanya : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Tiada seorang pemuda yang menghormati dan memuliakan seseorang yang tua usianya, melancong Allah akan menentukan baginya orang lain yang akan menghormati kelak apabila ia pula mencapai usia tua". - Ketua Penyuntingan (Nr)

Tinjau perkembangan projek pembinaan masjid

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



>> Muka 1

Ketiga-tiga tapak projek tersebut menjadi tumpuan siri lawatan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hari ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan memulakan lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Masjid Baharu RPN Kampung Meragang. Pembinaan projek tersebut telah

bermula pada bulan September 2021 dan dijangka siap pada bulan Januari 2024. Masjid yang menelan belanja sebanyak BND4.3 juta itu akan dapat menampung kira-kira 2,200 jemaah.

Rombongan seterusnya melawat ke Tapak Projek Pembinaan Masjid Baharu RPN Kampung Mengkubau yang telah pun dilaksanakan bermula dari bulan Jun 2021 dan dijangka siap pada bulan April 2024. Kos pembinaan masjid tersebut berjumlah BND4.3 juta dan setelah siap, masjid tersebut boleh menampung kira-kira 2,000

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa siri lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Masjid Baharu RPN Kampung Mengkubau dan di Tapak Projek Tambahan Bangunan Masjid Kampung Sungai Buloh (kiri dan kanan).

jemaah.

Lawatan diakhiri di Tapak Projek Tambahan Bangunan Masjid Kampung Sungai Buloh, di sini, yang telah mula dijalankan pada Mei 2022 dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2024.

Kos pembinaan masjid berjumlah BND870,000 itu dilengkapi kemudahan yang disediakan bagi penambahan bangunan masjid berkenaan iaitu ruang tambahan tempat sembahyang, Bilik Pengurusan Jenazah, tandas dan tempat berwuduk.

Lawatan ke tiga tapak projek tersebut adalah bertujuan meninjau dan memantau lebih dekat perkembangan projek-projek berkenaan serta memastikan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan tambahan berjalan lancar serta menepati kualiti dan tarikh siap yang telah ditetapkan.

Rombongan juga disertai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Pemangku Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KHEU serta para pegawai kanan KHEU dan Kementerian Pembangunan.



TERUS KOMITED BERI PERKHIDMATAN KESIHATAN BERKUALITI



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Pengiktirafan JCI Gold Seal of Approval® yang berlangsung di Garden's Veranda.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Pegawai Perubatan, Panaga Health, Dr. Awang Haji Ahmad Fakhri bin Dato Paduka Haji Junaidi semasa penyampaian Pengiktirafan JCI Gold Seal of Approval® yang berlangsung di Garden's Veranda, di sini.

Terdahulu itu, Dr. Awang Haji Ahmad Fakhri berkata, bagi mereka yang pernah melaluinya, proses pensijilan JCI bukanlah mudah.

Bagaimanapun tambahnya, keputusan untuk melaluinya adalah mudah, dan ia dibuat untuk menyelaraskan piawaian mereka dengan kemudahan perubatan lain

yang diiktiraf di Negara Brunei Darussalam.

"Alhamdulillah, selepas berbulan-bulan melakukan persiapan dan tinjauan yang rapi, pada bulan Oktober, dengan berbesar hati saya mengongsikan bahawa Panaga Health kini merupakan fasiliti perubatan pertama di Daerah Belait yang mendapat pengiktirafan oleh JCI dan yang pertama di Brunei, yang mendapat pengiktirafan di bawah Kategori Organisasi Penjagaan Ambulatori (Ambulatory Care Organization)," ujarnya lagi.

Tambahnya, di sebalik semua kerja keras dan persediaan, proses pengiktirafan menyedarkan pasukan betapa bermanfaatnya proses tersebut dan dengan melalui piawaian, ia membolehkan mereka mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan dan bagaimana mereka boleh menjadi lebih baik sebagai sebuah organisasi.

Hadir ke majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Dr.

Dayang Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman; Pengarah Urusan BSP, Agnete Johnsgaard-Lewis; Pihak Pengurusan BSP serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan dan BSP.

Panaga Health menjalani tinjauan ketat di tapak pada Oktober 2023 dan semasa tinjauan itu, juruukur pakar Suruhanjaya Bersama Antarabangsa menilai pematuhan piawaian penjagaan ambulatori yang berkaitan dengan pelbagai bidang, termasuk Matlamat Keselamatan Pesakit Antarabangsa, penilaian dan penjagaan pesakit, pengurusan ubat, pendidikan pesakit dan keluarga, peningkatan kualiti, pencegahan dan kawalan jangkitan, tadbir urus dan kepimpinan, pengurusan kemudahan, kelayakan dan pendidikan kakitangan, dan pengurusan maklumat.

Selaras dengan misi Panaga Health untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti melalui C.A.R.E (C-Centre of Excellence, A-Accredited for Quality, R-Responsive to Community & Business Needs, E-Empowered Professional Team) keselamatan pesakit sentiasa menjadi teras



KETUA Pegawai Perubatan, Panaga Health, Dr. Awang Haji Ahmad Fakhri bin Dato Paduka Haji Junaidi semasa berucap.

Kepada semua perkhidmatan yang disediakan.

Pencapaian tersebut mencerminkan komitmen tidak berbelah bahagi Panaga Health dalam mengekalkan standard penjagaan dan keselamatan pesakit yang tinggi.

Walaupun Panaga Health merupakan kemudahan perubatan di bawah BSP, Panaga Health berhasrat untuk berkhidmat kepada masyarakat yang lebih luas dan terbuka kepada orang ramai.

3 PELAJAR NBD TERIMA BIASISWA PENDIDIKAN BELIA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Raminey bin Haji Salleh dan diikuti dengan sesi penandatanganan perjanjian bagi para penerima anugerah biasiswa berkenaan.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Ketua Jabatan Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim selaku Pengurus Majlis menjelaskan para pelajar berkenaan telah melalui proses pemilihan yang amat ketat dan mereka ini merupakan antara yang lebih tinggi pencapaian dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) baru-baru ini dan mereka telah menyertai perkhemahan selama dua hari

di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD).

Menurutnya, mereka telah mempamerkan bukan sahaja kebolehan akademik mereka tetapi juga kerja berpasukan, kepimpinan, dan kebolehsuaian mereka.

"Selepas perkhemahan berkenaan, mereka juga menghadapi peperiksaan bertulis mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura.

"Proses ini bagi memastikan pelajar yang dipilih bukan sahaja mempunyai kemahiran akademik yang mantap tetapi juga memiliki kualiti yang diperlukan untuk berkembang maju dalam persekitaran baharu dan mencabar.

"Pencapaian ini bukan sahaja bukti kerja keras, dedikasi dan ketabahan daripada pelajar yang luar biasa ini tetapi juga mencerminkan komitmen sekolah mereka dan bimbingan daripada guru mereka," ujarnya lagi.



SESI penandatanganan perjanjian bagi para penerima anugerah biasiswa berkenaan (kanan), manakala gambar atas, majlis diakhiri dengan penyampaian sijil-sijil penganugerahan kepada para penerima biasiswa oleh tetamu kehormat majlis.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Majlis Penganugerahan dan Menandatangani Perjanjian bagi Skim Biasiswa Pendidikan Belia Negara Brunei Darussalam - Republik Singapura Sesi Akademik 2023 / 2024.

Seterusnya, majlis diakhiri dengan penyampaian sijil-sijil penganugerahan kepada para penerima biasiswa oleh tetamu kehormat majlis.

Hadir menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim, manakala Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Shaun Grosse, bagi pihak Kerajaan Republik Singapura.

Para penerima anugerah biasiswa berkenaan ialah Awang Marcus Hong Tai Fu dari Sekolah Rendah Chung Hua, Kuala Belait yang akan ditempatkan di Sekolah Menengah Victoria.

Manakala Awang Muhammad Raziq Zafran bin Muhammad Amin daripada Sekolah Jigsaw pula akan ditempatkan di Sekolah Menengah Ngee Ann, sementara Awang Adam Rafie bin Rewandi dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga akan ditempatkan di Sekolah Menengah Ngee Ann.

Para penerima biasiswa pula disertai oleh dua penjamin yang terdiri daripada ibu bapa dan penjaga pelajar atau ahli keluarga terdekat.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), pengarah-pengarah, para pegawai kanan dan para pegawai Kementerian Pendidikan dan para ibu bapa dan penjaga para penerima biasiswa.



Latihan Mara Lasak 21 Disember

Siaran Akbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Mara Lasak

pada Khamis, 21 Disember 2023, jam 8.00 malam hingga selesai yang bermula dari Balai Pam Air Mentah Badas, Belait dan berakhir

di kawasan Simpang Kampung Lumut Tersusun, Belait.

Sehubungan dengan itu, pihak PPDB ingin memaklumkan kepada

orang ramai, terutama penduduk yang tinggal berdekatan supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan

berkenaan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku sepanjang latihan berkenaan dijalankan.



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.


Laman Usama > Dashboard Saya > Status Permenitan Kerja
TIDAK DIPERAKUAKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



TARIK MINAT GURU PELAJARI SENI KHAT DENGAN BETUL

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Masri Osman

>> Muka 1

Manakala, bagi Kategori Pendidik Perempuan, Dayang Siti Norajimah binti Awang Haji Hamdani berjaya menduduki tempat pertama dengan menerima wang tunai berjumlah BND500, diikuti Dayang Norhanisah binti Haji Abdul Rani di tempat kedua yang membawa pulang wang tunai berjumlah BND400 dan tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Vivie Yanti binti Abdullah yang memenangi wang tunai berjumlah BND300.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang dan sugu hati kepada panel hakim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad

Tashim bin Pengiran Haji Hassan, juga selaku Pengurus Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB.

Terdahulu itu, ulasan dan pengumuman pemenang disampaikan oleh Khattat di PPKKI-YSHHB, Awang Muhammad Syukri bin Haji Sulong, selaku wakil panel hakim.

Selaras dengan hasrat penubuhan PPKKI-YSHHB bagi memartabatkan tulisan Jawi melalui Kaligrafi Islam, PPKKI-YSHHB mengendalikan pelbagai program dan aktiviti dalam bidang seni khat sepanjang tahun untuk disertai oleh orang ramai termasuk penganjuran Pertandingan Seni Khat yang dihasratkan bagi memupuk minat serta mengasah bakat dan kemahiran orang ramai dalam seni khat.

Pada tahun ini, PPKKI-YSHHB menganjurkan Pertandingan Seni

Khat Peringkat Kebangsaan 1445H / 2023M sempena Sambutan Hari Guru Ke-33 Tahun 2023 yang dibukakan kepada orang ramai terutama guru-guru yang berminat dalam kesenian kaligrafi daripada sekolah-sekolah kerajaan, sekolah swasta termasuk institusi pengajian tinggi dan universiti.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Terbuka; dan Kategori Pendidik.

Bagi Kategori Terbuka yang berkoncepkan karya siap, seramai 10 orang sahaja yang ikut serta dan diadakan bermula 10 Oktober 2023 sehingga 30 November 2023.

Petikan ayat yang ditetapkan untuk ditulis adalah daripada Surah Luqman, iaitu ayat 13 hingga 19 mengikut tiga jenis khat sahaja, iaitu Khat Tsuluts; Nasakh; dan Diwani.

Bagi Kategori Pendidik pula yang berkoncepkan karya spontan, seramai 22 orang menyertai kategori berkenaan, iaitu 14 peserta lelaki dan lapan peserta perempuan.

Kategori berkenaan diadakan di Dewan Ma'rifah, PPKKI-YSHHB selama tiga hari bermula 23 hingga 25 November 2023.

Manakala petikan ayat yang ditetapkan untuk ditulis adalah daripada Surah Al-Mujadalah, iaitu ayat 11 berserta terjemahan mengikut jenis khat sama ada Tsuluts, Nasakh, Riq'aah, Farisi, Diwani 'Adi dan Diwani Jali.

Antara objektif pertandingan ialah bagi menarik minat guru-guru untuk mempelajari kaedah seni khat dengan teknik yang betul dan secara tidak langsung akan dapat membimbang dan mengajarkan kepada anak murid mereka, di samping untuk mengenal pasti dan mengetahui individu-

TETAMU kehormat semasa menyaksikan pameran.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan hadiah kepada juara bagi Kategori Terbuka pada Pertandingan Seni Khat Peringkat Kebangsaan 1445H / 2023M.

individu tempatan yang mempunyai bakat dalam penulisan khat melalui acara pertandingan kebangsaan mahupun luar negara dan seterusnya melahirkan masyarakat Islam di negara ini yang dapat menguasai ilmu seni Islam.

Selain itu juga, ia adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kualiti masyarakat Islam di negara ini terhadap penguasaan seni Islam dalam pelbagai aspek dan mampu menguasai dan menghayati nilai-nilai seni Islam khususnya seni khat.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imihan binti Haji Abd. Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB dan juga Timbalan Pengurus Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB; dan para pegawai kanan YSHHB.



LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961) atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Sertai Kaji Selidik Pengangkutan Bas Awam

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Disember. - Pengangkutan merupakan salah satu kemudahan yang bukan sahaja berfokus kepada perjalanan malahan ia dapat menghubungkan orang ramai dan menyediakan akses kepada pekerjaan, komuniti, barang dan perkhidmatan sosial.

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), sedang memulakan satu inisiatif

kaji selidik secara berperingkat bagi memahami keperluan pengangkutan awam yang bertujuan untuk menambah baik sistem bas yang sedia ada dalam mendapatkan pandangan dan input daripada pelbagai pihak berkepentingan ke arah menyusun strategi jangka panjang dalam mewujudkan sistem kesalinghubungan yang cekap, dan mudah diakses bagi memudahkan cara mobiliti setiap lapisan rakyat dan penduduk.

Secara amnya, kaji selidik berkenaan adalah untuk memahami keperluan pengangkutan awam dan meningkatkan lagi kefahaman serta pandangan orang ramai

mengenainya.

Selain daripada cadangan untuk meningkatkan ketersambungan dan kebolehpercayaan rangkaian laluan teras (*core network routes*) perkhidmatan bas awam, ia juga dicadangkan dapat dilengkapi dengan perkhidmatan pengangkutan atas permintaan (*on-demand transport*) secara berkongsi tumpangan mahupun persendirian dengan memanfaatkan teknologi e-hailing.

Kaji selidik berkenaan dibuka kepada orang ramai bermula 8 Disember 2023 lalu sehingga 12 Januari 2024 dan boleh dilayari melalui Kod QR ataupun pautan link yang disediakan.

KAJI SELIDIK PENGANGKUTAN BAS AWAM

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), sedang memulakan satu inisiatif kaji selidik secara berperingkat bagi memahami keperluan pengangkutan awam yang bertujuan untuk menambah baik sistem bas yang sedia ada.

8 Disember 2023 hingga 12 Januari 2024



<https://bit.ly/48mHt7K>

BANTU BELIA SIAP SIAGA, BERAKHLAK MULIA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Selasa, 19 Disember. - Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Dayang Izzah Hazirah binti Haji Adi Othman berharap agar para belia lebih siap siaga menghadapi cabaran dan menyahut gagasan untuk menjadi belia yang berwawasan, mempunyai nilai-nilai luhur dan mulia serta membawa negara kepada kemajuan yang seimbang di dunia dan akhirat.

Berucap pada Majlis Pembukaan Program Literasi Penerangan Kali Pertama bagi Belia Daerah



TAKLIMAT disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dari MPEC, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Nur Afiqah binti Mursidi.

Temburong, beliau seterusnya berharap agar para belia yang menyertai program akan memberi pulangan yang positif selain menerima ilmu, maklumat dan kemahiran yang baharu.

Menurutnya, Program Literasi Penerangan itu antara lain bertujuan bagi memberi pendedahan kepada belia agar sebarang perancangan dan perkembangan selaras dengan dasar negara di mana adalah diharap belia negara akan menjadi belia yang berakhlak mulia, bertaraf dunia, ejen siaga perubahan masa hadapan dan pembangunan negara secara inklusif.

Selain itu, ke arah melahirkan belia yang berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh dan memiliki nilai luhur iaitu cintakan agama, bangsa dan negara.

Seramai 45 belia daripada belia Permata Hijau, belia-belia masjid dan belia-belia mewakili mukim dan kampung Daerah Temburong menyertai program yang akan diadakan selama dua hari.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Auditorium Bangunan Tambahan,



PEGAWAI Penerangan Kanan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar hadir selaku tetamu kehormat semasa sesi bergambar ramai. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, di sini ialah Pegawai Penerangan Kanan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir yang juga Pemangku Penghulu Zon 1, Daerah Temburong dan Pemangku Penghulu Zon 2, Daerah Temburong, Awang Khairul Anwar bin Haji Juma'at.

Pada program sesi sebelah pagi, taklimat 'Aspirasi Belia' disampaikan oleh Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan dari

Jabatan Belia dan Sukan, Dr. Muhammad Nuriskandar bin Mohd. Hasnan yang antara lain mengongsikan mengenai Buku Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035, latar belakang dan tujuan Dasar Belia Negara.

Taklimat kedua bertajuk 'Peranan Manpower Planning and Employment Council (MPEC)' dan 'Inisiatif Menangani Isu Pengangguran' pula disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dari MPEC, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Nur Afiqah binti Mursidi yang menyentuh mengenai inisiatif penyediaan bantuan pembiayaan

kepada pencari kerja tempatan yang layak, perantis i-Ready dan pekerja tempatan di sektor swasta.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.



Fahami konsep *inclusivity* melalui pengisian taklimat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Selasa, 19 Disember. - Sebagai salah satu landasan dalam menyampaikan maksud rasmi dan maksud kerajaan dalam kalangan para belia, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong buat julung kalinya mengadakan Program Literasi Penerangan Kali Pertama bagi 45 belia daripada belia Permata Hijau, belia-belia masjid dan belia-belia mewakili mukim serta kampung di Daerah Temburong.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation and Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035

tercapai dengan jayanya.

Sepanjang program hari ini para peserta program didedahkan dengan pelbagai maklumat semasa termasuk memahami konsep *inclusivity* melalui pengisian taklimat, aktiviti dan lawatan yang diaturkan.

Sementara program pada sebelah petang, peserta berpeluang mendengar taklimat bertajuk 'Memahami Konsep Inclusivity' yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Orang Kelainan Upaya, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Dayangku Khairah Wadihah binti Pengiran Zainurin diikuti dengan tunjuk cara bahasa Isyarat daripada Ahli-ahli Persatuan Bi-jak dan Orientasi serta Mobiliti dari Pusat Bahagia.

Taklimat terakhir bertajuk 'Mengukuh-mantapkan Akidah Golongan Belia' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah,

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Isham bin Ismail yang antara lain mengongsikan mengenai dengan Islam dalam konteks Negara Brunei Darussalam dari segi kepercayaan dan pengamalan berdasarkan 'Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah'.

Jabatan Penerangan dalam merealisasikan motonya 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' sentiasa mempelbagaikan platform pembarigan maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan serta terus berusaha untuk menyebarkan maklumat seluas yang mungkin dan sentiasa dikemas kini agar tetap relevan dan memenuhi keperluan dari semasa ke semasa.

HALUAN

Latihan CPR beri Pertolongan Cemas yang betul, berkesan kepada yang memerlukan

>> Muka 2

Seperi yang kita sedia maklum bahawa Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti kepentingan Latihan Pertolongan Cemas dan CPR, dan oleh itu kursus-kursus latihan seperti ini aktif dijalankan oleh tenaga pengajar di bawah Jawatankuasa Latihan Kementerian Kesihatan, yang berkelayakan dan bertaualah untuk memberikan latihan kemahiran melalui pemudahcaraan dan penyelarasan oleh Unit Perkembangan dan Pemantauan Resusitasi (RDMU).

Kementerian Kesihatan bermatlamat untuk mencapai sasaran sehingga 50 peratus penduduk Negara Brunei Darussalam untuk mempunyai latihan asas mengenai Pertolongan Cemas dan CPR menjelang Wawasan Brunei 2035. Ini boleh menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih bersiap siaga dan bersedia dalam memberikan Pertolongan Cemas dan CPR.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan menggalakkan semua organisasi dan penyedia Kursus-kursus Latihan Pertolongan Cemas dan CPR untuk tampil ke hadapan dan bekerjasama dalam mempromosikan kesedaran dan latihan tersebut di

negara ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penduduk-penduduk kampung yang telah menyertai Latihan Pertolongan Cemas dan CPR dan berharap agar penduduk kampung akan mendapat manfaat yang sebaiknya daripada kemahiran yang diperoleh dan dapat mempraktikkan apa yang dipelajari jika diperlukan.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur dalam sama-sama menjayakan majlis pada hari ini, terutama sekali kepada semua penghuni Rumah Panjang Kampung Semabat dan penduduk persekitarannya dan juga penghuni Rumah Panjang Kampung Amo. Tidak ketinggalan juga diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para tenaga pengajar dari Kementerian Kesihatan dan semua pihak yang terlibat atas kerjasama padu yang telah diberikan. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni lagi ikhlas semua akan mendapat keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya daripada Allah Subhanahu Wata'alaa jua.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



PARA peserta Program Literasi Penerangan Kali Pertama bagi Daerah Temburong semasa dibawa melawat ke Pusat Da'wah Islamiah (atas kanan). Manakala gambar atas, para peserta semasa menyertai salah satu aktiviti.

SEMINAR KETENGAHKAN KESELAMATAN, PENGURUSAN TREND TERKINI



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, juga Penghulu Mukim Lumapas dan Pemangku Penghulu Mukim Kilanas hadir selaku tetamu kehormat merasmikan Seminar Keselamatan dan Pengurusan (kiri). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara yang hadir pada seminar yang diadakan di Mitsubishi Lecture Hall, Universiti Brunei Darussalam.

Singapura, Chris Bala, seorang pakar dalam Industri Keselamatan dan Pengurusan yang mengongsikan pengalaman dan kepakarannya berkisar tentang trend terkini, inovasi dan amalan-amalan terbaik dalam keselamatan dan pengurusan.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan Seminar Keselamatan dan Pengurusan berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, juga Penghulu Mukim Lumapas dan Pemangku Penghulu Mukim Kilanas.

Berucap pada majlis tersebut,

Pemangku Pengurus Besar HiTUNES GoC, Awang Jasiswandy bin Jasni, menehkankan keperluan untuk strategi pengurusan yang mantap menjadi semakin kritikal terutamanya dalam era di mana lanskap keselamatan berkembang pada satu kadar yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Seminar Keselamatan dan Pengurusan ini tambahan bukan hanya sebagai satu acara semata-mata bahkan ia adalah usaha kolektif untuk meneroka, belajar, dan bekerjasama untuk menangani pelbagai cabaran yang dihadapi dalam dunia yang dinamik hari ini.

"Bersama-sama, kita akan menyelidiki trend terkini, inovasi dan amalan terbaik dalam keselamatan dan pengurusan, melengkapkan diri kita dengan alatan yang diperlukan untuk menangani kerumitan persekitaran kita yang sentiasa berubah.

"Seminar ini bukan sekadar untuk menyebarkan maklumat; ia adalah untuk memupuk komuniti profesional yang berdedikasi untuk kecemerlangan dalam keselamatan dan pengurusan," ujarnya.

Antara topik yang diliputi semasa seminar berkenaan termasuk trend terkini dalam keselamatan, strategi pengurusan risiko serta

pengurusan organisasi yang berkesan.

Seminar ini memupuk persekitaran yang konduktif kepada rangkaian dan kerjasama yang memupuk hubungan dan para peserta daripada pelbagai sektor swasta dan awam yang memainkan peranan penting semasa seminar berkenaan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat oleh Pengarah Urusan HiTUNE Group of Companies (GoC), Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

HiTUNE Universal Services merupakan syarikat bumiputera tempatan yang mempunyai anak syarikat yang menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti Pengurusan Hartanah dan Harta, Kursus Latihan dan Pembangunan Peribadi dan Profesional, Pengurusan Acara, Perundingan Perniagaan dan Dokumentasi Perkhidmatan Proses termasuk Pakaian Fesyen Sederhana dan Perkhidmatan Penyesuaian Trak Mudah Alih.

Sementara itu, CJ Consulting

Group yang berpangkalan di Singapura, menawarkan perkhidmatan perundangan dalam Perundingan Perniagaan dan Sumber Manusia, Latihan Profesional dan Pembangunan untuk memenuhi sektor korporat yang berbeza.

Selain itu, CJ Consulting Group juga menyediakan latihan khusus untuk memenuhi Industri Keselamatan dan Pertahanan seperti teknik AVSEC QC, Faktor Manusia dalam AVSEC, Mengurus ancaman dalam, Penilaian Risiko Keselamatan, Menulis Manual Keselamatan dan Teknologi Digital X-Ray.

HiTUNE Universal Services dan CJCG menawarkan pelbagai latihan yang meluas untuk terus membangun dan meningkatkan pembangunan profesional, memupuk positiviti dan kepimpinan, pemindahan pengetahuan mengenai trend industri terkini dalam kalangan sektor swasta dan awam.

Untuk pertanyaan lanjut mengenai kursus yang ditawarkan oleh HiTUNE Universal Services, bolehlah berhubung melalui talian di +673 8872700.



TUNGKU LINK, Selasa, 19 Disember. - Ke arah usaha memupuk masa depan yang lebih selamat dan berdaya tahan bagi individu, perusahaan, organisasi dan masyarakat, sebuah seminar sehari memfokuskan mengenai keselamatan dan pengurusan dikelolakan oleh HiTUNE Universal Services iaitu sebuah anak syarikat di bawah HiTUNE Group of Companies (GoC) bertempat di Mitsubishi Lecture Hall, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Seminar berkenaan dikendalikan oleh pakar jemputan daripada CJ Consulting Group (CJCG)



Penyerahan derma Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman semasa menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 daripada Syarikat Armada Properties Sdn. Bhd. (ARMADA) dan Koperasi BKSS (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Disember. - Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman telah menerima sumbangan bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bertempat di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pagi tadi.

Syarikat Armada Properties Sdn. Bhd. (ARMADA) menyumbangkan

berkenaan ialah para pegawai daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) serta ahli-ahli agensi berkenaan.

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 dibuka kepada orang ramai selama tiga bulan bermula 18 Oktober 2023 sehingga 18 Januari 2024.

Tabung berkenaan merupakan sebuah platform yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan membolehkan pelbagai pihak menganjurkan pelbagai aktiviti amal dan kebajikan bagi tujuan kutipan derma berkenaan.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada JAPEM selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih 100 peratus disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja daripada hasil kutipan bersih yang diperoleh daripada mengadakan



aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (sticker) Tabung

Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, JAPEM, Bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

BMR SAMBUT HARI ANTI-RASUAH ANTARABANGSA



TAKLIMAT dan Bengkel Pencegahan Rasuah Bersama Belia yang diadakan di Dewan As-Saadah, Ibu Pejabat BMR (atas), manakala gambar kanan, para peserta berkesempatan melawat Galeri Wiqaya.

Siaran Akhbar dan Foto: Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Bersempena Sambutan Hari Anti-Rasuah Antarabangsa 2023, Biro Mencegah Rasuah (BMR) baru-baru ini mengadakan Taklimat dan Bengkel Pencegahan Rasuah Bersama Belia yang diadakan di Dewan As-Saadah, Ibu Pejabat BMR, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Taklimat dan Bengkel Pencegahan Rasuah Bersama Belia ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran belia mengenai bahaya

jenayah rasuah dan untuk menggalakkan penglibatan mereka dalam sama-sama membanteras dan menentang rasuah di negara ini dengan berkongsi dan membarigakan pengetahuan yang mereka peroleh dari program ini dengan keluarga dan sahabat masing-masing.

Pada masa yang sama, program ini juga dijadikan sebagai platform bagi sesi perbincangan dan pertukaran idea serta pendapat, antara pegawai-pegawai BMR dengan belia mengenai cara atau pendekatan yang belia boleh



lakukan sebagai sumbangan mereka dalam menentang rasuah di Negara Brunei Darussalam.

Dengan kerjasama antara BMR dengan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, seramai 23 orang belia yang berlainan latar belakang pendidikan menyertai program ini.

Selain daripada mengadakan taklimat dan bengkel, BMR juga mengadakan Majlis Perasmian Galeri Wiqaya. Galeri Wiqaya ini adalah sebuah galeri pencegahan rasuah yang memperkenan usaha dan aktiviti pencegahan rasuah yang dijalankan oleh BMR.

Galeri ini telah dirasmikan oleh Pengarah BMR, Datin Paduka Hajah Anifa Rafiza binti Haji Abd.

Ghani.

Sambutan Hari Anti-Rasuah Antarabangsa 2023 bermula pada Khamis, 7 Disember 2023, dengan mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahliil di Kubah Makam Diraja, khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan bagi anakanda

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Abdul 'Azim.

Rombongan BMR diketuai oleh Timbalan Pengarah BMR, Syed Azmal bin Syed Ali dan disertai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan BMR.

Pada tahun ini seperti lazimnya, BMR telah bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menyediakan dan membacakan Khutbah Jumaat di semua masjid, surau dan balai ibadat di negara ini.

Tajuk Khutbah Jumaat yang dibacakan pada 8 Disember, adalah 'Jangan mengkhianati amanah yang telah dipertanggungjawabkan'.

Isi kandungan Khutbah Jumaat ini menekankan bahawa perbuatan salah guna kuasa adalah satu perbuatan yang dilarang dalam agama Islam. Manakala dari segi perspektif undang-undang pula, salah guna kuasa ini merupakan satu kesalahan jenayah. Antara kesalahan yang berkaitan dengan salah guna kuasa ini adalah seperti rasuah dan pecah amanah.

Orang awam boleh membantu mencegah perbuatan salah guna kuasa dengan melaporkannya kepada pihak penguatkuasa undang-undang termasuk Biro Mencegah Rasuah jika berkaitan dengan rasuah dan salah laku dalam pejabat awam.

BMR menyambut Hari Anti-Rasuah Antarabangsa pada 9 Disember setiap tahun. Sambutan Hari Anti-Rasuah Antarabangsa ini adalah bagi memperingati komitmen Negara Brunei Darussalam sebagai negara ahli kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Menentang Rasuah atau United Nations Convention against Corruption.

Penyelenggaraan, pembaikan saluran paip gas PID0016

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perkhidmatan Elektrik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Disember. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) dan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemaikan berjadual ke atas saluran paip gas PID0016 yang akan dilaksanakan oleh Syarikat BSP pada 22 hingga 23 Disember 2023.

Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemaikan berjadual ke atas saluran paip gas PID0016 ini berkemungkinan besar akan menjasaskan bekalan tenaga elektrik secara sementara dan berkala selama beberapa jam ke sebahagian besar kawasan di Daerah Brunei dan Muara serta kawasan-kawasan yang terjejas boleh dilihat pada rajah yang disediakan.

Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijangka akan mengambil masa selama kira-kira 24 jam ini adalah bertujuan untuk membaik pulih integriti di beberapa bahagian paip gas dari Tungku Gas Plant (TGP) ke Gadong Metering Station (GMS).

Di sepanjang kerja-kerja penyelenggaraan tersebut dijalankan, pengoperasian Stesen-stesen Janakuasa Gadong 1 dan Gadong 2 yang dikendalikan oleh JPE akan dihentikan buat sementara waktu.

Untuk memastikan bekalan tenaga elektrik bagi fasiliti-fasiliti dan infrastruktur-infrastruktur utama negara tidak terjejas, JPE akan membekalkan sementara bekalan tenaga elektrik melalui Perkhidmatan Janakuasa Bergerak (Genset).

Orang ramai juga adalah disarankan untuk mengurangkan penggunaan elektrik dengan mengamalkan inisiatif penjimatkan tenaga dan menggunakan elektrik secara berhemah dan efisien.

Maklumat terkini mengenai dengan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut akan dikemas kini dari semasa ke semasa, melalui siaran akhbar, kenyataan media dan media sosial rasmi JPE dan Syarikat BSP. Bagi pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Darussalam 123.

Kawasan-Kawasan yang terlibat

| | |
|-----------------|---|
| Mukim Gadong | Bangunan-bangunan komersial dan persendirian disepanjang Jalan Gadong termasuk One Riverside, Abdul Razak Mall dan Centrepoint, di sepanjang Jalan Pasar Gadong termasuk Institusi-Institusi Pengajian, Seameo Voctech, Pasar Gadong dan bangunan-bangunan komersial berhampiran, Kg. Batu Besurat, Kg. Pengkalan Gadong, Kg. Menglait, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Stor Negara, sebahagian daripada Flat Kerajaan Beribi, Kg. Mata-Mata termasuk bangunan Ibu Pejabat Pengakap dan bangunan-bangunan komersial di sekelilingnya, Kg. Perpindahan Mata-Mata, Kg. Tungku termasuk Bangunan Pejabat Biro Narkotik Kg. Tungku, Kg. Perpindahan Tungku, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Tungku, IBTE Kg. Tungku, Kawasan Kemajuan Pertanian Kg. Tungku dan Pesekitaran, UNN Tungku Link, Kg. Rimba, Perumahan Negara Rimba, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Rimba, Pusat Kesihatan Dialisis Rimba, Institut Perkhidmatan Awam Kg. Rimba, Hortikultur Kg. Rimba, Askar Simpanan Kg. Rimba, Pusat Komersial Rimba Point dan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kg. Rimba. |
| Mukim Berakas A | Kawasan Lapangan Terbang Lama Berakas termasuk bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan, bangunan-bangunan Komersial di Kg. Jaya Setia Berakas termasuk Airport Mall, Times Square, City Square, Jaya Setia Square dan kawasan di sekelilingnya, Kg. Burong Pingai Berakas, Kg. Jaya Bakti Berakas, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara, Kg. Anggerek Desa, Kg. Pancha Delima, Kg. Pulaie, Kg. Orang Kaya Besar Imas, Kg. Delima Dua, Kg. Sungai Akar termasuk Gurkha Reserve Unit Sungai Akar, Radio Televisyen Brunei Sungai Akar & bangunan Pejabat Keselamatan Dalam Negeri Sungai Akar, Pusat Farmasi Kg. Terunjing, Klinik Haiwan Kg. Terunjing, Sebahagian Kg. Terunjing, Sekolah Antarabangsa Brunei & bangunan komersial One City di Kg. Sungai Hanching, Kg. Sungai Orok termasuk bangunan komersial Mid Valley, Kg. Salambigar dan Salambigar Industrial Park. |
| Mukim Mentiri | Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kg. Tanah Jambu, Kg. Tanah Jambu, STKRJ Kg. Sungai Buloh Tanah Jambu, Perpindahan Skim Tanah Kurnia Kg. Tanah Jambu, Kg. Salar, Perindustrian Kg. Salar, Kg. Sungai Buloh, Kg. Batu Marang, Perumahan Negara Mengkubau, Empangan Air JKR Kg. Mengkubau, Perumahan Negara Mentiri, Kg. Mentiri, Kelab Perkhidmatan Awam Mentiri, Kg. Sungai Besar, Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS), Kg. Sungai Bunga dan Kg. Pudak. |
| Mukim Serasa | Pekan Muara, Kg. Serasa, Perindustrian Serasa, Pulau Muara Besar, di sepanjang Jalan Pelumpong termasuk Pusat Kesihatan Muara, Tentera Laut Muara, Kg. Sabun, Kg. Kapok, Kg. Meragang, Perpindahan Kg. Meragang dan Pusat Tingkat Enam Meragang. |
| Mukim Kianggeh | Jln Kumbang Pasang termasuk bangunan Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah |

TINGKAT KESEDARAN BELIA KEPENTINGAN MENJAGA ALAM SEKITAR



PERTANDINGAN berkenaan melibatkan usaha belia, terutamanya mahasiswa dan mahasiswi UNISSA dalam mengumpul dan mengutip sampah di Pantai Jerudong, Daerah Brunei dan Muara.

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Ahli Persatuan Mahasiswa Syariah dan Undang-undang (SHALAWSOC), Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama daripada Unit Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (HSSE), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNISSA, baru-baru ini berjaya menganjurkan Pertandingan Collect Against The Clock 2.0.

Pertandingan berkenaan melibatkan usaha belia, terutamanya mahasiswa dan mahasiswi UNISSA dalam mengumpul dan mengutip sampah di Pantai Jerudong, Daerah Brunei dan Muara.

Pertandingan berkenaan juga merupakan kesinambungan bagi Pertandingan Collect Against the Clock yang pernah dianjurkan oleh

SHALAWSOC dan Unit Kesihatan, Keselamatan, Persekitaran dan Logistik (HSSEL), MPP UNISSA di Sungai Kebun pada 2022.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Muhammad Zulfikri bin Abdullah Zulkifli, Ahli Unit Dakwah dan Tarbiyyah SHALAWSOC, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Unit Perhubungan Awam SHALAWSOC, Awang Muhammad Izz Sophian bin Abdul Aziz.

Ucapan alu-aluan selanjutnya disampaikan oleh Ketua Unit HSSE, MPP UNISSA, Awang Muhammad Shafiq bin Iskandar, diikuti dengan penerangan peraturan bagi pertandingan dan langkah-langkah keselamatan yang disampaikan oleh Setiausaha Unit Perhubungan Awam SHALAWSOC, Dayang Nurul Asyiqin binti Haji Sofian dan

Setiausaha 1 Unit HSSE, MPP UNISSA, Awangku Muhammad Qawiem bin Pengiran Haji Saifuddin.

Sebelum pertandingan berlangsung, sesi pemanasan badan bersama peserta dan ahli jawatankuasa pertandingan diketuai oleh Unit HSSE, MPP UNISSA.

Seramai 25 mahasiswa-mahasiswi UNISSA turut serta dalam pertandingan berkenaan dan dibahagikan kepada enam kumpulan.

Matlamat utama pertandingan adalah untuk membersihkan Pantai Jerudong dan kumpulan yang mengutip sampah terbanyak dinobatkan sebagai pemenang.

Sebanyak 247 kilogram sampah sarap telah pun berjaya dikutip oleh para peserta selama dua jam pertandingan berkenaan dijalankan.

Pertandingan berkenaan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama para peserta dan ahli jawatankuasa pertandingan.

Pertandingan berkenaan turut bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat, terutamanya belia, tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkuuh semangat perpaduan dalam kalangan belia untuk mengutamakan kebersihan, sebagaimana yang ditekankan dalam ajaran Islam; menjaga kebersihan adalah sebahagian daripada keimanan.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

ALAI PINTAR

SOALAN 116

SOALAN 20 DISEMBER 2023, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Antara berikut, yang manakah tidak boleh bernafas?
 a) Burung
 b) Buku
 c) Ikan
2. $16 \times \underline{\hspace{2cm}} = 26400$
 a) 1 650
 b) 1 000
 c) 500
3. Hukum sembahyang jenazah ialah?
 a) Sunat
 b) Wajib
 c) Fardu Kifayah

TARIKH TUTUP : 30 DISEMBER 2023

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENUJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 115 :

Nama : Haziqah Nur Nadhirah Binti Ismail
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0116936-01. Sekolah : Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah
 Nama : Nursyuhaila binti Md. Suhardilah
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125649-01. Sekolah : Sekolah Rendah IQRA
 Nama : Md. Nur Khairun Irfan Furqan bin Md. Nur Khairunn
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0121069-01. Sekolah : Sekolah Rendah Dato Basir

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
 2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
 3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8945310** atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
 4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap
- Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 115

1. C – ber
2. B – besar
3. A – ais kiub

Bila Terputus Safar Orang Yang Pulang Dari Pelayaran?

بِسْمِ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
رَسُولِ اللَّهِ، وَعَلَىٰ آللَّهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ وَلَاهُ

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SAFAR bererti keluar dari rumah kediaman untuk menuju ke suatu tempat yang jaraknya mengharuskan sembahyang qasar dan jamak. Jarak yang mengharuskan sembahyang qasar itu ialah dua *marhalah* iaitu kira-kira 89.04 km. Keharusan melakukan sembahyang qasar dan jamak adalah antara *rukshah* (keringanan) yang diberikan kepada orang yang dalam *safar* dengan tujuan memberi kemudahan kepada mereka yang pada kebiasaannya menghadapi kesusahan sepanjang perjalanan.

Salah satu syarat keharusan melakukan sembahyang qasar ialah berkekalan *safar* sehingga selesai sembahyang. Manakala bagi sembahyang jamak pula berkekalan *safar* sehingga selesai kedua-dua sembahyang yang dihimpunkan. Ini bererti *rukshah* sembahyang qasar atau jamak itu

INI bererti *rukshah* sembahyang qasar atau jamak itu hanya diharuskan sebelum putus *safar*. *Safar* dikira putus apabila telah sampai ke tempat yang dituju.

hanya diharuskan sebelum putus *safar*. *Safar* dikira putus apabila telah sampai ke tempat yang dituju.

Menyebut mengenai "*safar terputus*" ini, timbul kekeliruan di kalangan orang awam mengenai bila *rukshah* mengerjakan sembahyang qasar atau jamak berakhir? Sebahagian orang menyangka bahawa sembahyang qasar atau jamak itu masih boleh dilakukan pada hari ketibaannya sekalipun sudah sampai di rumah kediamannya. Berikut penjelasan syara' mengenainya.

Perkara yang memutuskan *safar* bagi orang yang pulang dari pelayarannya ialah apabila dia sampai di perbatasan tempat yang perlu dilewatinya ketika memulakan *safar* sebagai mana kata Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin*:

Ertinya: *Dan apabila dia pulang, tamat safarnya sebaik sahaja dia sampai di tempat yang disyaratkan melewatiinya (ketika) permulaan (safarnya).*

Menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* pula dalam kitabnya *I'anah ath-Thalibin*:

Ertinya: *Dan kesimpulan perkara yang dibincangkan tentangnya (terputus safar), bahawa dia pulang dari safarnya dari jarak*

(yang mengharuskan) qasar ke tempat kediamannya yang tetap, tamat safarnya sebaik sahaja sampai di perbatasan jika ada, sama ada dia berniat untuk bermuqim atau tidak, (dan sama ada) baginya ada hajat padanya atau tidak.

Berdasarkan nash di atas adalah jelas bahawa *safar* bagi orang yang pulang dari perjalanan yang mencapai dua *marhalah* atau lebih terputus apabila dia sampai di perbatasan bandar atau kampung tempat kediamannya yang tetap atau tempat tinggalnya, sama ada dia berniat untuk semata-mata pulang terus atau hanya sekadar melintasi semula kampung tempat tinggalnya itu atau hanya untuk singgah sekejap sama ada kerana ada hajat seperti membersihkan diri, mengambil barang dan lain-lain atau tidak ada hajat, kerana perbatasan bandar atau kampung adalah tempat-tempat yang dikira permulaan *safar*.

Sebagai contoh: Orang yang tinggal di Kampong Serusop dalam perjalanan pulang dari Miri adalah harus melakukan sembahyang qasar dan jamak semasa dalam perjalannya pulang ke kampung tempat tinggalnya itu. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja dia memasuki sempadan Bandar Seri Begawan, dia tidak lagi diharuskan melakukan sembahyang qasar dan jamak kerana *safar* tersebut terputus dengan memasuki sempadan Bandar Seri Begawan disebabkan Kampong Serusop termasuk dalam kampung-kampung yang berada dalam Bandar Seri Begawan.

Contoh lain: Orang yang tinggal di Kampong Bunut pulang dari Kota Kinabalu



IRSYAD HUKUM

جهاز مفتی كل جان
جهاز مفتی ماليزيا

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

dan singgah di rumahnya di Kampung Bunut sebelum meneruskan perjalannya ke Miri. Maka dia diharuskan melakukan sembahyang qasar dan jamak semasa dalam perjalannya pulang ke tempat tinggalnya sebelum memasuki sempadan Kampung Bunut. Walau bagaimanapun sebaik sahaja dia memasuki sempadan Kampung Bunut, dia tidak lagi diharuskan melakukan sembahyang qasar dan jamak kerana *safar* tersebut telah terputus. Adapun perjalannya ke Miri adalah dikira *safar* yang baharu.

Maka sangkaan sebahagian orang tentang sembahyang qasar atau jamak itu masih boleh dilakukan pada hari ketibaannya sekalipun sudah sampai di rumah kediamannya adalah sangkaan yang tidak betul menurut hukum syaria'.

Demikianlah penjelasan tentang waktu terputusnya *safar* bagi orang yang pulang dari pelayaran.

منجو كريضاعن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلو لأن قوسة دعوه اسلاميه

SIFAT malu disebut sebagai sebahagian daripada iman kerana malu menjadi pengendali bagi seorang Muslim untuk sentiasa berada dalam kebaikan dan berpaling daripada keburukan atau maksiat. Sebagaimana halnya dengan iman yang sentiasa mendorong seorang Mukmin untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemaksiatan.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga mempunyai sifat malu. Sifat malu merupakan akhlak para nabi dan para rasul yang harus dimiliki oleh setiap orang yang mengaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya sifat malu adalah sifat yang sering diamalkan dari zaman ke zaman. Ia tidak pernah hilang dan terhapus walaupun zaman telah berubah kerana dengan memiliki sifat malu akan mengajar kita untuk sentiasa menghiasi diri dengan sifat-sifat yang mulia dan terpuji. Memiliki sifat malu dapat mengelakkkan kita daripada terjerumus kepada melakukan sebarang bentuk perbuatan dosa, berkelakuan buruk, hina dan tercela. Selain itu, perasaan malu juga akan membuatkan seseorang itu untuk lebih berhati-hati dalam setiap gerak-geri dan tingkah laku sama ada dari segi perkataan maupun perbuatan.

Imam At-Tirmidzi dalam kitab *jami'i*nya meriwayatkan, daripada Anas, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"*Tidaklah sifat buruk berada dalam sesuatu (pada seseorang) melainkan akan memburukkannya, dan tidaklah sifat malu ada dalam sesuatu (pada seseorang) kecuali ia akan menghiasinya*".

Berdasarkan hadis tersebut, hidupnya hati dan nurani seseorang menunjukkan kuatnya sifat malu yang ada pada orang tersebut, manakala jika sebaliknya menandakan hati dan jiwanya telah mati. Lazimnya, selagi hati dan nurani manusia hidup, akhlak malu itu akan menjadi

sempurna.

Hadis riwayat Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Qatada, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"*Malu itu tidak mendatangkan sesuatu melainkan kebaikan semata-mata*".

Malu juga salah satu ubat kejahatan, akan tetapi jika sebaliknya, maka tidak ada lagi ubat untuk merawat kejahatan tersebut.

Islam telah mengangkat akhlak malu pada tahap atas dan menganjurkannya untuk memiliki. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qashaah, ayat 25, mahumnya :

"*Setelah itu datanglah kepadanya seorang daripada dua orang perempuan tadi berjalan dengan malu-malu lalu berkata : "Sesungguhnya bapaku memanggil engkau untuk membalaud budimu kerana memberi minum ternakan kami". Maka apabila Nabi Musa datang kepadanya (Nabi Syu'aib 'alaihissalam) dan menceritakan kisah-kisah mengenai dirinya, Nabi Syu'aib pun berkata : "Janganlah engkau takut, engkau telah selamat daripada kaum yang zalim itu".*

Beruntunglah mereka yang dapat menghiasi diri dengan sifat malu kerana sifat malu itu adalah sebahagian daripada iman dan iman itu pula balasannya adalah syurga. Manakala sifat tidak malu itu pula merupakan perangai yang buruk dan tempatnya adalah di neraka. Daripada Abu Hurairah Radiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"*Rasa malu adalah sebahagian daripada keiman dan keiman berada di syurga. Sedangkan tindakan kotor adalah sebahagian dari perangai yang kasar dan perangai kasar tempatnya di neraka*".

Hiaslah diri kita dan keluarga dengan sifat malu kerana hakikatnya, sifat malu tidak mendatangkan sesuatu kecuali kebaikan. Ia adalah benteng atau penghalang yang boleh mengelakkkan diri kita daripada melakukan

perbuatan mungkar dan maksiat. Ingatlah, bahawa azab dan seksa Allah Subhanahu Wata'ala itu amatlah pedih. Semoga kita sentiasa dikurniakan rahmat dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta terhindar dan terselamat daripada azab seksanya. Amin Ya Rabbal

Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mulk, ayat 12, mahumnya :

"*Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka (walaupun) mereka tidak melihatnya, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar*".

جایتن فرانخن ایکونومی دان ستاتیستیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAH PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

PROGRESIF-AEGIS METERAI PERJANJIAN DALAM TEKNOLOGI KESELAMATAN PINTAR

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

GADONG, Selasa, 19 Disember. - Progresif Sdn. Bhd. dan Aegis hari ini mengumumkan perkongsian melalui Penandatanganan Perjanjian antara kedua-dua belah pihak.

Ini juga menandakan permulaan kerjasama dalam teknologi keselamatan pintar dan penyelesaian untuk pelanggan Progresif yang dihargai.

Majlis penandatanganan berkenaan berlangsung di Ibu pejabat Progresif Gadong.

Menandatangani bagi pihak Progresif Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar, manakala Ketua Pegawai Eksekutif Aegis, Jorge F. Vega mewakili bagi pihak Aegis.

Terdahulu itu, Dayang Hajah Nurul Haniah dalam ucapan perasmianya menggariskan komitmen Progresif terhadap pelanggan mereka yang melangkaui kemudahan komunikasi dan memastikan keselamatan pelanggan malah, dengan bantuan rekod prestasi Aegis dalam menyediakan



PROGRESIF Sdn. Bhd. dan Aegis menandatangani perjanjian dalam teknologi keselamatan pintar dan penyelesaian untuk pelanggan Progresif (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah kiri, antara produk yang ditawarkan.

penyelesaian keselamatan peringkat teratas juga terbukti di Negara Brunei Darussalam.

Jelas beliau lagi, kerjasama antara kedua-dua buah syarikat telah menggabungkan lagi kekuatan Progresif dalam menyampaikan penyelesaian keselamatan pintar kepada pelanggan di negara ini.



MINDA PEMBACA

Persiapan belia hadapi cabaran pekerjaan

PERSIAPAN belia menghadapi cabaran pekerjaan adalah langkah yang amat penting dalam memastikan kejayaan dan kestabilan mereka dalam pasaran pekerjaan yang semakin kompetitif.

Dalam era yang terus berubah dan berkembang dengan pesat, belia perlu memperoleh keterampilan dan kebolehan yang relevan untuk mengatasi cabaran yang mungkin dihadapi dalam alam pekerjaan.

Oleh itu, belia perlu memahami bahawa persaingan dalam pasaran pekerjaan semakin mencabar. Mereka perlu melibatkan diri dalam pembelajaran secara berterusan bagi memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam bidang kerja

masing-masing.

Mengikut kursus, latihan, atau mempunyai sijil tambahan setentunya memberi nilai tambah kepada diri sendiri kerana ia dapat menjadi aset bagi mendapat peluang pekerjaan.

Kemahiran interpersonal juga merupakan elemen sangat penting yang perlu dipersiapkan oleh belia. Keterampilan komunikasi yang baik, kepimpinan, dan kerjasama dalam pasukan semakin menjadi keutamaan dalam persekitaran kerja moden.

Dengan membangunkan kemahiran berkenaan, mereka dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan dan seterusnya meningkatkan prospek kerjaya.

Selain itu, belia perlu memahami kepentingan

pembangunan kemahiran teknologi kerana dalam era digital ini, penguasaan teknologi maklumat adalah menjadi keutamaan. Mereka perlu mempunyai kemahiran dalam menggunakan perisian dan alat digital yang relevan dengan bidang pekerjaan mereka.

Aspek lain yang tidak boleh diabaikan ialah keupayaan untuk menguruskan stres dan tekanan. Pekerjaan sering kali melibatkan tempoh masa yang tidak menentu dan tuntutan yang tinggi.

Belia perlu pandai mengawal emosi dan cara-cara untuk menguruskan tekanan agar dapat bekerja secara efisien tanpa mengorbankan kesejahteraan mereka. Belia juga perlu mengembangkan sikap positif

terhadap pembelajaran sepanjang hayat.

Kesimpulannya, dengan gabungan pembelajaran teknikal dan kemahiran interpersonal, serta sikap yang proaktif terhadap pembelajaran sepanjang hayat, belia bukan sahaja dapat mengatasi cabaran alam pekerjaan, tetapi juga mencapai kejayaan dalam karier mereka.

Persediaan yang menyeluruh berkenaan tidak hanya memberi mereka daya saing yang lebih baik tetapi juga membentuk mereka menjadi individu yang dinamik dan progresif dalam mencapai matlamat kerjaya mereka.

Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis
No. K/P : 01-099xxx

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pentingnya Pengesanan Awal Kanser'. Tarikh Tutup : 20 Disember 2023
2. 'Manfaatkan Waktu Cuti Sekolah Sebaiknya'. Tarikh Tutup : 27 Disember 2023
3. 'Memupuk Semangat Kesukarelawan'. Tarikh Tutup : 03 Januari 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

دعاء ممohen كفـد الله سقـاي تـرسـلامـة

درـفـدـ بـلاـءـ دـانـ سـكـلـ جـنـيسـ فـيـاـكـيـتـ

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبِّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَّخْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحْصَنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَسِيْنِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَأَهُ وَأَلْوَاهُ وَأَلْطَعْنَ وَأَلْطَاعُونَ وَسَائِرَ أَلْمَرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطَفْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anjaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نُومٌ لَمَّا مَاتَ السَّمَوَاتُ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَجِدُونَ شَيْءًا مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ٤٥٥

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَحْلِي بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِحُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُنْفَضِّلُ بِهِ الْحُوَاجُ، وَتُنَالُ بِهِ الْرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَالِمِ، وَيُسْتَسْفَى بِهِ الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحِّبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مُبَاواِ كَبْرَاوْ نَتوْغُنْ سَاعَتْ بَسْر كَفْدُ قَعْمَلَنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
KK / 266 / 2023 / UPP(TC)

Keterangan :
The Provision Of Laundry Services For the Main Block (Including Emergency and Radiology Department) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran :
BND50.00

Bilangan Tawaran :
KK / 267 / 2023 / UPP(TC)

Keterangan :
The Provision Of Laundry Services For Operating Theatres (Main Block and Women and Children Centre) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran :
BND50.00

Bilangan Tawaran :
KK / 268 / 2023 / UPP(TC)

Keterangan :
The Provision Of Laundry Services For Women and Children Centre At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran :
BND100.00

Bilangan Tawaran :
KK / 269 / 2023 / SSBH

Keterangan :
Replacement Of Existing

Chilled Water Air-Handling Unit R/G-3 (Paediatric Clinic) and E-2-1 (ICU) At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 271 / 2023 / PPN (TC)

Keterangan :
Supply and Delivery Of Orthodontic Consumable Items and Instruments For NDC For A Period Of Three (3) Years For Department Of Dental Services, Ministry Of Health (Part 1)

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 272 / 2023 / PPN (TC)

Keterangan :
Supply and Delivery Of Orthodontic Consumable Items and Instruments For NDC For A Period Of Three (3) Years For Department Of Dental Services, Ministry Of Health (Part 2)

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 273 / 2023 / PPN(TC)

Keterangan :
Supply and Delivery Of Orthodontic Consumable Items and Instruments For NDC For A Period Of Three (3) Years For Department Of Dental Services, Ministry Of Health (Part 3)

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 274 / 2023 / PPN(TC)

Keterangan :
Supply and Delivery

Of Orthodontic Consumable Items and Instruments For NDC For A Period Of Three (3) Years For Department Of Dental Services, Ministry Of Health (Part 4)

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 275 / 2023 / JPR(TC)

Keterangan :
The Provision Of Leasing Of Apd Machines With Remote Patient Monitoring System Inclusive Of One (1) Year Supply and Delivery Of Consumables For Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Seven (7) Years

Yuran Tawaran :
BND2,000.00

Bilangan Tawaran :
KK/277/2023/MOH

Keterangan :
To Supply and Deliver COVID-19 Art Kits For Point Of Care Testing, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND10.00

Tarikh Tutup :
Selasa, 2 Januari 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Pemberitahuan Tawaran

Tajuk dan Bilangan Tawaran:
Supply and Install Of Philips SOPHO Is3000 Pabx Digital Trunk (DTU) Card For Department Of Civil Aviation ATELS / 2023 / SH-24

Tarikh iklan / mengambil dokumen sebut harga :
20 Disember 2023,
Rabu.



Tarikh tutup Sebutharga :
3 Januari 2024,
Rabu.
(tidak lewat jam
2.00 Petang)

BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang
Selasa,
9 Januari 2024.



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JPt / TAW / 08 / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Pembakaan Am Banglo Pejabat Wasan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Bayaran Yuran Tawaran :



UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Syarat-Syarat Tawaran:

UNISSA / SB0058 / 2023 / 2024 :
Membekal Dan Menghantar Bahan-Bahan Kertas & Canvas Untuk Mesin Percetakan Di Pusat Penyelidikan Dan Penerbitan (PPP) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat dan pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 dan 17 dari akta Nama-Nama Perniagaan (Business Names Act).

2. Syarikat yang berdaftar sebagai Sendirian Berhad hendaklah menyertakan Sijil Pematuhan Cukai (Certificate of Tax Compliance – COTC) yang terbaharu / terkini dan telah disahkan oleh Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan salinan Penyata Tahunan Annual Returns Dan Annual General Meeting (yang terbaharu / terkini) bersama-sama

dengan Borang Tawaran Sebut harga ini. Bagi mana-mana syarikat / pembekal yang tidak menyertakan dokumen-dokumen berkaitan maka Borang Tawaran Sebutharga ini akan ditolak.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi:

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Kaunter Bahagian Kewangan Tingkat 1,
Bangunan Pentadbiran Dan Kewangan
Simpang 347,
Jalan Pasar Gadong,
Gadong BE1310
Negara Brunei Darussalam

**Nota: Dokumen tawaran akan mengandungi Borang Sebut Harga, Spesifikasi dan / atau Syarat Tawaran dan juga Borang Pengakuan Integriti Penender.

Pada waktu hari bekerja (termasuk menerima yuran tawaran) seperti berikut:

Isnin Hingga Khamis
8.30 Pagi - 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang - 3.00 Petang

Sabtu
8.30 Pagi - 10.00 Pagi

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, syarikat yang berminat mengikuti tawaran ini bolehlah menghubungi +673 7326726.

4. Yuran tawaran adalah BND10.00 sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat dan pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Segala kehendak dalam borang mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

6. Permohonan Tawaran ini akan ditolak jika bagi setiap sebarang perubahan / pembetulan pada Harga Tawaran hendaklah ditandatangani asal (*initial*) dan Cop Syarikat.

8. Tawaran hendaklah diisi dalam Borang Sebut Harga yang asal (tidak boleh di fotokopi dan di **Scan**). Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Sebut Harga

**Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347,
Jalan Pasar Gadong, Gadong,
BE1310,
Negara Brunei Darussalam**

9. Setiap tawaran bagi setiap satu tajuk Sebut Harga hendaklah disimpan di dalam satu sampul Surat Tertutup Rapi (**sealed**). Di sampul surat berkenaan hendaklah ditulis bilangan dan tajuk disebelah kiri atas sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup iklan ini, tanpa menunjukkan sebarang identiti, nama atau logo syarikat / pembekal.

10. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat Rabu, 3 Januari 2024, Jam 2.00 Petang. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

11. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat / Nama-Nama Perniagaan (Sijil Perniagaan 16 & 17 atau Form X), salinan Resit Pembayaran dan lain-lain dokumen yang diperlukan hendaklah disertakan bersama tawaran.

12. Sijil Pengiktirafan daripada Kementerian Pembangunan, AITI dan lain-lain yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan hendaklah disertakan bersama tawaran.

13. Penender yang menolak atau membatakan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan: LTN/4(39/1997).

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.

15. Hanya syarikat yang terpilih dan berjaya sahaja yang akan dihubungi. Manakala, syarikat yang tidak dihubungi selepas Satu (1) Bulan daripada Tarikh Tutup mengembalikan borang sebut harga adalah dianggap tidak berjaya.




UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
Penolong Pensyarah
(Bergaji Hari)

Bahagian :
II

Kekosongan :
Satu (1)

Bidang :
Hubungan Antarabangsa, Sains Politik Dan Keselamatan Serantau.

Fakulti :
Akademi Pengajian Brunei

Tarikh Tutup Permohonan :
Sabtu,
30 Disember 2023.


UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon-pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
Penolong Pensyarah
(Bergaji Hari)

Bahagian :
II

Kekosongan :
Satu (1)

Bidang :
Pengajian Belia

Fakulti :
Pusat Penyelidikan Lanjutan

Tarikh Tutup Permohonan :
Sabtu,
30 Disember 2023.


UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
Penolong Pensyarah
(Bergaji Hari)

Bahagian :
II

Kekosongan :
Satu (1)

Bidang :
Kesusasteraan Melayu
(Puisi Melayu) / Pengajian
Antarabangsa /
Perhubungan Antarabangsa /
Pengajian Asia Tenggara /
Pelancongan

Fakulti :
Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Tarikh Tutup Permohonan :
Sabtu,
30 Disember 2023.


UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
Penolong Pensyarah
(Bergaji Hari)

Bahagian :
II

Kekosongan :
Satu (1)

Bidang :
Kejuruteraan Sistem
Pembuatan

Fakulti :
Fakulti Teknologi Bersepadu

Tarikh Tutup Permohonan :
Sabtu,
30 Disember 2023.


UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
Penolong Pensyarah
(Bergaji Hari)

Bahagian :
II

Kekosongan :
Satu (1)

Bidang :
Pengajian Urus Tadbir Islam

Fakulti :
Institut Pengajian Dasar

Tarikh Tutup Permohonan :
Sabtu,
30 Disember 2023,


JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Iklan Tawaran

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery and Install
250hp Outboard Engine

Bilangan Tawaran :
BFRD / LTK / 05 / 2023-2024

Bayaran Tawaran :
BND10.00
(Sepuluh Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
9 Januari 2024,
tidak lewat jam 2.00 Petang.


JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery and Installation
Of Tyres and Provision
Of Other Related Services
For Brunei Fire and
Rescue Department
(3 Years Contract)

Bilangan Tawaran :
BFRD / LTK / 01 / 2024-2025

Bayaran Tawaran :
BND30.00
(Tiga Puluh Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
9 Januari 2024,
tidak lewat jam
2.00 Petang.


UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
Penolong Pensyarah
(Bergaji Hari)

Bahagian :
II

Kekosongan :
Satu (1)

Bidang :
Sedimentologi

Fakulti :
Fakulti Sains

Tarikh Tutup Permohonan :
Sabtu, 30 Disember 2023.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



- IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.**

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan

1. Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 167 / 2023 / 2024
[BPPA-DIS-2023]

Keterangan :

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Maktab Sains Paduka
Seri Begawan Sultan,
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin
6 Bulan Pertama : BND752.50 (Sebulan)
4 Bulan Terakhir : BND1,505.00 (Sebulan)

2. Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 168 / 2023 / 2024
[BPPA-DIS-2023]

Keterangan :

Sebut Harga Perkhidmatan
Kantin Bagi :
Maktab Sains Paduka

Seri Begawan Sultan,
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh
Satu (1) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin
6 Bulan Pertama : BND752.50 (Sebulan)
4 Bulan Terakhir : BND1,505.00 (Sebulan)

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu,
23 Disember 2023.
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**Bilangan Sebut Harga :**
IKAN / 78(Q) / 0052 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"To Supply, Delivery,
Testing and Commissioning :
Portable Diesel Powered
Generator"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0053 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"Supply and Installation Of
Seawater Intake Pipe & Sump At
Meragang Site"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0054 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"Demolition Works Of Broken
Pole From Existing Fish Cages
At Serasa Bay"

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat pada Khamis,
4 Januari 2024,
jam 2.00 Petang.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**Bilangan Sebut Harga :**
33 / DBP / SH / 2023-2024

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Peralatan
Fotografi Dewan Bahasa
dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Sebut Harga :**BND10.00**
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
2 Januari 2024.
Tidak lewat jam
2.00 Petang.

JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**Kenyataan Tawaran****Bilangan Sebut Harga :**
(126) INFO / PK / K / 7
(2023 - 2024)

Tajuk Sebut Harga :
Membaki Kerosakan
dan Penyelenggaraan
Genset.

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Selasa,
26 Disember 2023.
Jam 8.30 Pagi.

UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Pemohon-pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan :
Penolong Pensyarah
(Bergaji Hari)

Bahagian :
II

Kekosongan :
Satu (1)

Bidang :
Leadership /
Macro-Economics/Micro
Economics / Entrepreneurship

Fakulti :
UBD School Of Business and
Economics

Tarikh Tutup Permohonan :
30 Disember 2023.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas : II & III

Kategori :
B01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 30 / CQS / 2023 - T / II

Nama Projek :
Bantuan Perumahan Golongan
Daif, Fakir Dan Miskin Yang
Diluluskan Oleh Jawatankuasa
Mengeluarkan Wang Zakat Bagi
Awang Asri Bin Anggas (KP
00-273515K), Kg Orang Kaya
Besar Imas, Mukim Berakas,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
16 Januari 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2023
/ T / TU / 003 (CS)
[JPPK / LTN / 14 / 2023]
Feasibility Study
For Proposed Air Strip
For Royal Brunei
Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran :
18 Disember 2023

Syarat Penyertaan :
Konsultan Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan

Tempoh Penyiapan Kerja :
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu
Selasa,
9 Januari 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
16 Januari 2024.
2.00 Petang.

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0055 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"Replace, Supply and Install
Raw Sea Water Pump At Pantai
Serasa Pump House
Department Of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
"To Repair, Modify and Upgrade
Fisheries Ecosystem Boat
(Bakara 35ft), Department Of
Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0057 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
Replace, Supply and Install
Compound Electric and Solar
Street Lighting At Headquarter,
Department Of Fisheries"

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0058 / 2023

PUPUK NILAI KERJASAMA PELAJAR



ANTARA peserta yang menyertai Program Ihya Az-Zira'ah selama dua hari mulai 13 sehingga 14 Disember 2023 (atas dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Pertanian telah mengadakan Program Ihya Az-Zira'ah selama dua hari mulai 13 sehingga 14 Disember 2023.

Program ini diadakan di Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Tutong dan juga ladang sawah padi milik Syarikat Usaha Salihah, Kampung Lamunin, Tutong.

Seramai 32 orang peserta yang terdiri daripada 20 orang pelajar, sembilan orang pensyarah dan tiga orang kakitangan Fakulti Pertanian, UNISSA menyertai program tersebut.

Tujuan program adalah untuk melahirkan warga pelajar yang memiliki sahsiah diri yang mulia, berhemah, berbudi dan beramal, di

samping memupuk nilai-nilai kerjasama dan saling bantu-membantu sesama sendiri dan juga komuniti bersama serta membiasakan diri dengan menghidupkan malam dan siang dengan amalan yang berafaedah.

Program bermula dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah di Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Tutong dan diteruskan dengan aktiviti memasak untuk makan malam secara bergotong-royong dalam kalangan peserta.

Pada sesi malam, program disambung dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin serta Sembahyang Fardu Isyak.

Sesi program ditutup dengan bergambar ramai bersama



Pegawai Masjid serta para jemaah masjid sebelum menikmati jamuan makan malam.

Pada hari kedua program, mulai jam 3.30 pagi di mana para peserta memulakan aktiviti mereka dengan Sembahyang Sunat Tahajjud dan Sembahyang Sunat Witir Berjemaah yang dipimpin oleh Qahril Reza Yaslin bin Razali, pelajar tahun satu Program Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (Agrabisnis).

Aktiviti diteruskan dengan bacaan Surah An-Nur dan Surah Al-Furqan dan dilanjutkan dengan Sembahyang Subuh Berjemaah.

Setelah itu, para peserta menikmati jamuan sarapan pagi terlebih dahulu sebelum bertolak ke ladang sawah padi milik Syarikat Usaha Salihah, Kampung Lamunin, Tutong untuk menjalankan aktiviti utama mereka.

Para peserta diberikan taklimat mengenai usaha padi oleh pemilik Syarikat Usaha Salihah sebelum memulakan aktiviti penanaman padi.

Di ladang, para peserta berpeluang memberikan khidmat sambil belajar menanam padi secara tradisional dengan

menggunakan tangan.

Program yang diadakan oleh Fakulti Pertanian ini memfokuskan kepada peserta untuk merasai sendiri proses menanam padi secara holistik.

Melihat kepada hasil baik yang diperoleh daripada program ini, ia diharapkan dapat mengeratkan tali silaturahim sesama pelajar, di samping memberikan impak positif daripada segi amalan ibadat, kerja berpasukan dan kemahiran bertani serta menyumbang kepada masyarakat dalam usaha untuk melahirkan generasi belia yang berwawasan dan beramal.

KMPH : Kongsi pengetahuan prinsip halal, haram kepada masyarakat



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali melalui badan pelajar Halalan Thayyiban Student Society dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban semasa mengadakan Kempen Masyarakat Peduli Halal (atas). Manakala gambar kanan, antara aktiviti yang diadakan pada program berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui badan pelajar Halalan Thayyiban Student Society (HTSS) dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban baru-baru ini mengadakan Kempen Masyarakat Peduli Halal (KMPH).

Program berkenaan diketuai oleh Penolong Pensyarah di pusat berkenaan, Dayang Raihana binti Mohd. Raffi.

Program berkenaan diadakan di pusat Bandar Seri Begawan selaras dengan Program BandarKu Ceria.

Seramai 51 sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa - mahasiswi menjalankan program KMPH.

Kempen berkenaan diadakan adalah untuk mendukung Kempen Hari Bertindak sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tujuan utama program berkenaan adalah untuk menyebarkan pengetahuan mengenai halal dan haram kepada masyarakat dan juga meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menerapkan

pengetahuan berkenaan dalam kehidupan sehari-hari kita.

KMPH berkenaan merangkumi pelbagai permainan yang dijalankan oleh para sukarelawan berdasarkan dengan pengetahuan halal dan haram.

Antara permainan yang dikendalikan oleh para sukarelawan adalah seperti Kuiz Halal dan Haram, Permainan Detektif Halal dan juga teka-teki.

Permainan berkenaan sesuai untuk semua peringkat umur daripada kalangan kanak-kanak hingga dewasa.

Selain itu, para sukarelawan juga

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



menggalakkan penyertaan daripada para pengunjung BandarKu Ceria dengan aktiviti Kuiz Halal dan Haram dengan cara para sukarelawan pergi ke tempat tumpuan para pengunjung seperti Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Taman Mahkota Jubli Emas dan Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Manakala objektif program berkenaan adalah untuk menerapkan konsep 'Quality of Education' yang terdapat di dalam

Sustainable Development Goals (SDGs) serta untuk menerapkan, memupuk dan membudayakan sifat kesukarelawanan bagi pelajar UNISSA.

Nilai sukarelawan perlu dibangunkan secara holistik agar para sukarelawan lebih didedahkan dengan sifat bertanggungjawab dengan kewajipan masing-masing, iaitu menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

UNN DIIKTIRAF ATAS INOVASINYA DI ANUGERAH ELEVATE 2023



UNIFIED National Networks Sdn. Bhd. (UNN) diiktiraf sebagai salah satu daripada tiga finalis global pada Anugerah Elevate 2023 (2023 Elevate Awards) yang diadakan di Sunnyvale California.

Siaran Akhbar dan Foto : Unified National Networks Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Disember. - Pada Anugerah Elevate 2023 (2023 Elevate Awards) yang diadakan di Sunnyvale California pada 30 November 2023), Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) diiktiraf sebagai salah satu daripada tiga finalis global yang telah mereka bina rangkaian berkesan dan selamat untuk menyampaikan perkhidmatan dan pengalaman pengguna yang luar biasa dalam Kategori Kepimpinan 5G.

Pemenang bagi Kategori Kepimpinan 5G disandang oleh BT Group, sebuah syarikat yang berpangkalan di United Kingdom (UK) yang membina salah satu virtualised telekomunikasi 4G/5G telco clouds terbesar yang dijangka membawa 100 peratus trafik mudah alihnya menjelang akhir tahun ini.

Anugerah Elevate berkenaan ialah Program Rangkaian Juniper (Juniper Network's) untuk meraikan pemenang, finalis dan penerima kehormat daripada syarikat paling inovatif yang menggunakan penyelesaian Juniper untuk menyampaikan pengalaman luar biasa bagi perniagaan, pelanggan dan komuniti mereka.

Mengiktiraf pelanggannya dalam tujuh kategori utama, iaitu Inovasi AI (AI Innovation); Transformasi Perniagaan (Business Transformation); Pusat Data Masa Depan (Data Center of the Future); Memperkasakan Perubahan (Empowering Change); Pengalaman Didahului (Experience First); Kecemerlangan Keselamatan (Security Excellence); dan Kepimpinan 5G (5G Leadership); dengan proses pemilihan melibatkan gabungan eksekutif Juniper dan hakim luar yang mengadili finalis dan pemenang.

Juniper Networks Inc. ialah sebuah syarikat multinasional Amerika yang beribu pejabat di California Amerika Syarikat dan merupakan peneraju yang terkenal dalam menyediakan rangkaian yang selamat, dipacu AI dan untuk membangunkan produk rangkaian yang ditakrifkan dengan perisian canggih.

Dengan menawarkan sambungan tetap dan mudah alih, sambungan tempatan dan antarabangsa serta perkhidmatan awan dan pusat data, UNN

Kenali Bahasa Brunei

Bakacambai bermaksud terlalu sibuk untuk menyiapkan sesuatu pekerjaan dan biasanya kerana kesuntukan masa.

Contoh pemakaian kata : **bakacambai** bisdurang barusah-rusah kan makan-makan patang ani.

Mangalitik atau **mangalakitik** bermaksud mencuit supaya jadi gelis.

Contoh pemakaian kata : abangnya kancang **mangalikitik** Si Alai, iatah mambarinya inda ingin kan marikit abangnya itu.

Takaduhung bermaksud secara kebetulan berada di sesuatu tempat, melakukan sesuatu, dan sebagainya. Contoh pemakaian kata : **takaduhung** kadikita ka mari, bisaitan tarus makan di sini.

Kalantugi bermaksud ulat yang banyak kakinya yang akan melingkarkan badan apabila tersentuh.

Contoh pemakaian kata : banyak **kalantugi** di alaman rumah atau kalau musim ujan saja.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Kuih Jala Kampung Termada

Foto : Azmah Haji Ahad

BAHAN-BAHAN :

250 gram tepung beras
1 cawan gula pasir
1 ½ cawan air

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Adunkan kesemua bahan tersebut di dalam manguk yang tersedia.

Kemudian, panaskan minyak. Setelah minyak dipanaskan, masukkan adunan tepung itu ke

dalam acuannya. Sesudah itu, gorengkan adunan tersebut.

Siap untuk dihidang.

BERCUTI DALAM NEGARA JIMAT PERBELANJAAN

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Musim cuti panjang persekolahan yang bermula sejak awal Disember ini menyaksikan tempahan di beberapa buah hotel semakin meningkat.

Hotel-hotel di negara ini dipenuhi dengan kunjungan orang ramai yang ingin bermalam atau menginap bersama ahli keluarga masing-masing apatah lagi dengan harga tawaran yang menarik.

Walaupun ada yang sudah bercuti ke luar negara namun ada sesetengah mereka lebih selesa mengisi masa cuti mereka bersama ahli keluarga untuk menginap di

hotel-hotel di negara sendiri atau staycation.

Menurut Awang Seruddin bin Haji Duraman yang ditemani isteri dan anak-anaknya, menyatakan, peluang bermalam di hotel di negara sendiri adalah satu kelebihan kerana menjimatkan masa dan juga perbelanjaan sekali gus dapat meluangkan masa bergembira bersama anak-anak.

"Bercuti di negara sendiri atau menginap di hotel-hotel sememangnya mempunyai banyak perbezaan yang ketara dari segi perbelanjaan, masa dan sebagainya namun suasana dan persekitarannya hampir sama,

seperti berada di luar negara," ujarnya.

Tambahnya, setentunya lebih berbaloi bercuti di negara sendiri sekali gus sama-sama berganding bahu untuk memajukan negara sendiri dalam menyokong industri perhotelan di negara ini.

Semasra meninjau ke salah sebuah hotel di Gadong juga menunjukkan peningkatan dalam perniagaannya, lebih-lebih lagi

dengan promosi yang ditawarkan bagi menarik orang ramai melancong di negara sendiri.

Dalam tinjauan ke hotel berkenaan mendapatkam maklum balas yang diterima daripada para pelanggan adalah sangat menggalakkan, seperti lokasinya berdekatan dengan pusat membeli-belah, panggung wayang, restoran dan sebagainya.

Destinasi menarik di Negara

Brunei Darussalam juga tidak kurang hebatnya dan setanding dengan tempat percutian di negara lain.

Selain itu, ia juga dapat menjimatkan kos percutian berbanding ke luar negara.

Bersama-sama meningkatkan pertumbuhan perniagaan hotel khasnya dan ekonomi negara amnya.



PELUANG bermalam di hotel di negara sendiri adalah satu kelebihan kerana menjimatkan masa dan juga perbelanjaan sekali gus dapat meluangkan masa bergembira bersama anak-anak.

TATACARA MENGHADIRI

• UJIAN • TEMU DUGA • URUSAN RASMI

1 UJIAN ART MASIH PERLU DISEMAK OLEH PENGAWAL KESELAMATAN.

KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARIKH MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH

2 TUNJUKKAN KOD BRUHEALTH DAN ART KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN BANGUNAN. HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN MERAH DIBENARKAN MASUK.

3 BAGI YANG MEMPUNYAI KOD UNGU, HENDAKLAH MENGHUBUNGI PIHAK URUS SETIA PEJABAT SPA MELALUI ITALIAN PERHUBUNGAN SPA

+673 7371961 query@spa.gov.bn

4 HENDAKLAH MELAPOR DIRI KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN DI TINGKAT I TERLEBIH DAHULU.

5 PEMAKAIAN SUNGKUP MUKA BAGI ORANG RAMAI YANG DATANG BERURUSAN KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.

6 HADIR PADA TARikh DAN WAKTU YANG DITETAPKAN BAGI UJIAN ATAU TEMU DUGA.

7 MESTILAH BERPAKAIAN KEMAS, SOPAN DAN MENUTUP AURAT.

8 TERUS BEREDAR SETELAH SELESAI BERURUSAN.

Terokai keindahan Kampong Ayer

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Syarikat Pengangkutan Haji Besar yang telah beroperasi selama 16 tahun bermula tahun 2007, kini kembali beroperasi bermula Mac 2023 yang menyediakan pelbagai Paket Perkhidmatan Pengangkutan Menelusuri Kampong Ayer.

Pengasas Syarikat Pengangkutan Haji Besar, Awang Haji Besar bin Haji Bakar semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan pada mulanya beliau mempunyai empat buah perahu dan terpaksa memberhentikan perkhidmatannya sejurus selepas pandemik COVID-19.

"Mulanya syarikat ini mempunyai empat buah perahu, dan setelah COVID-19, disebabkan oleh beberapa masalah seperti tiada penyelenggaraan dan

sebagainya, kini hanya tinggal dua buah perahu.

"Alhamdulillah, bermula Mac 2023 ini, syarikat ini kembali beroperasi dengan beberapa Paket Menelusuri Kampong Ayer," tambahnya.

Jelasnya, bagi paket untuk menelusuri Kampong Ayer sahaja, dengan lawatan di Galeri Kebudayaan dan Pelancongan di Kampong Ayer, bagi sebuah perahu dengan keramaian lima orang ke bawah, harganya adalah sebanyak BND30 sahaja.

"Sekiranya lebih daripada lima orang, setiap seorang hanya akan dikenakan harga sebanyak BND5 sahaja.

Manakala bagi mereka yang berkeinginan untuk menelusuri Kampong Ayer dan berkunjung ke Mangrove bagi melihat binatang liar seperti buaya dan Proboscis Monkey, setiap seorang akan dikenakan



AWANG Haji Besar bin Haji Bakar semasa ditemu bual Pelita Brunei.

sebanyak BND15 sahaja," ujarnya lagi.

Beliau menjelaskan harga bagi paket berkenaan dibukakan kepada warganegara Brunei Darussalam dan juga para pelancong yang hadir.

Semasa ditanyakan, beliau menerangkan kebanyakannya pelanggan yang mengikuti paket berkenaan adalah terdiri daripada orang Brunei sendiri, terutama sekali pada cuti persekolahan di bulan Disember ini, dan juga para pelancong daripada Eropah dan Malaysia.

Beliau kemudiannya menasihatkan kepada para beliau yang berkeinginan untuk mencuba bidang seperti yang beliau usahakan ini, mereka perlulah mengamalkan sikap rajin berusaha, sanggup berjarih dan sentiasa beriktiar untuk memajukan diri dalam mencuba bidang berkenaan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi beliau di talian +673 8840103.



SALAH sebuah perahu yang digunakan untuk Paket Menelusuri Kampong Ayer.



Warisan

Pertahankan jati diri, identiti bangsa melalui permainan tradisi

Rencana dan Foto :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

PERMAINAN masyarakat terdahulu semakin pupus dan dibimbangi lenyap ditelan zaman kerana kurang diberikan pendedahan terutama kepada kanak-kanak dan para belia masa kini.

Pada era gajet dan teknologi hari ini, kehidupan kanak-kanak berubah kerana lebih terdedah kepada aplikasi permainan secara dalam talian dan media sosial. Kita sedia maklum, Negara Brunei Darussalam sebuah negara kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional yang 'tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas'. Permainan seperti Congkak, Gasing, Galah Panjang, Batu Simban, Teng-Teng, Tarik Upih, Konda-Kondi dan Lastik, Pasang, sememangnya sudah diamalkan masyarakat dahulu sebagai mengisi masa lapang.

Sayangnya permainan tradisional yang menunjukkan kekayaan kebudayaan semakin terpinggir apabila kebanyakannya daripada permainan itu kurang diketahui golongan muda kerana tidak didedahkan dari peringkat awal.

Warisan kali ini membawa para pembaca beberapa lagi permainan tradisional kita iaitu Ngiyayam Karikan.

Ngiyayam Karikan

Ngiyayam Karikan adalah permainan daripada Puak Dusun. Permainan ini menyerupai seperti basikal yang beroda satu. Permainan ini menggunakan bahan

seperti potongan kayu yang digunakan sebagai pemegang manakala untuk rodanya pula ia diperbuat daripada kayu berbentuk bulat atau penutup tudung tin berperanan sebagai rodanya.

Apa yang menjadi lebih menariknya permainan ini, di mana terdapat satu alat yang dipasang di tepi bahagian roda. Apabila roda tersebut berputar, geselan akan terjadi dan akan mengeluarkan bunyi yang seakan-akan jentera motor dan kederasan bunyi pada roda itu tertakluk pada kelajuan yang digerakkan oleh si pemain.

Syarat-syarat bermain

Ngiyayam Karikan boleh dimainkan oleh kanak-kanak berusia lapan ke 13 tahun dan jumlah pemain pula sama ada perseorangan atau beramai untuk perlumbaan dan ia dimainkan di kawasan lapang atau di dalam rumah.

Ia dimainkan seperti basikal tetapi tanpa *pengingkulan* di kaki. Ia hanya terdapat satu roda dan dimainkan dalam satu barisan depan atau belakang.

Selain Ngiyayam Karikan, satu lagi permainan tradisional di zaman nenek moyang kita ialah permainan Kipas Tarik.

Kipas Tarik

Ia merupakan permainan yang selalunya dimainkan oleh kanak-kanak yang tinggal di kampung dan terdapat pokok getah yang tumbuh di sekitar kediaman mereka. Kipas Tarik dibuat daripada biji pokok getah yang jatuh di halaman rumah atau kebun getah.

Biji getah ini akan dikeluarkan isinya melalui tiga bahagian lubang kecil yang telah ditebus terlebih dahulu.

Dua bahagian lubang pada sebelah atas dan bawah biji getah tersebut akan digunakan untuk memasukkan batang lidi, dan satu lubang di bahagian tengahnya pula akan digunakan untuk melilit tali benang pada batang lidi yang ada di bahagian dalam biji getah tersebut. Manakala di bahagian atas lidi pula akan dipasang kipas kecil yang diraut daripada buluh.

Cara bermain Kipas Tarik

Kipas Tarik dimainkan dengan cara menarik tali benang secara perlahan sehingga kipas kecil yang diperbuat daripada rautan buluh di atasnya akan berputar secara timbal-balas.

Kebiasaannya, permainan ini dimainkan secara bertanding, iaitu jika Kipas Tarik pemain yang berputar dalam jangka masa yang panjang dan lama ia dikira pemenang dan jika Kipas Tarik pemain terjatuh awal dikira kalah.

Kebanyakan permainan tradisi dimainkan secara berkumpulan, sekali gus mewujudkan interaksi sosial dan merapatkan hubungan antara ahli masyarakat.

Kesimpulannya

Permainan-permainan dahulu juga kebanyakannya banyak memberi manfaat kepada individu dan masyarakat. Selain membina kemahiran sosial, juga memberi faedah fizikal dan mental.

Berbeza dengan masyarakat terdahulu, ia rutin harian mereka bermain dengan begitu banyak permainan tradisional dan ini termasuk kanak-kanak yang didedahkan dengan permainan dan warisan budaya terabit. Namun sedihnya semua itu makin dilupakan ketika ini dan tidak mustahil lenyap ditelan zaman jika tiada usaha diambil untuk mengetengahkannya dalam kalangan khalayak ramai khususnya generasi muda masa ini.

Mewarisi tradisi kaum terdahulu bukan bermakna kita berada di takuk lama apabila mengamalkannya. Sebaliknya kita perlu berbangga dengan kebudayaan kaum sendiri yang mampu mengangkat kita bersama-sama dalam membangunkan negara.

Sebelum wujudnya internet, pembentukan identiti remaja termasuk kanak-kanak adalah berdasarkan interaksi dengan dunia sebenar serta daripada pergaulan. Kewujudan internet dan media sosial menyebabkan pembentukan jati diri golongan tersebut makin lama makin terhakis kerana mudah terdedah kepada budaya tidak sihat.

Namun, bagi kanak-kanak masa kini, ramai yang tidak tahu tentang tradisi itu kerana perkembangan pesat teknologi gajet dan penambahan aplikasi permainan secara maya.

Jati diri dan identiti bangsa perlu dipertahankan, pastikan tradisi dan budaya kita dijaga supaya ia tidak lenyap atau pupus.





Sebarkan dakwah melalui qasidah

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Al-Busyra

RASA cinta dan kasih kepada Sang Pencipta dan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam boleh diperlihatkan melalui pelbagai cara, antaranya melalui dikir dan qasidah ataupun tausyeh. Lagu-lagu tausyeh yang mengandungi puji-pujian, sirah dan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala didendangkan dengan diiringi pukulan darbuk sememangnya sedap didengar dan secara tidak langsung diharap dapat menarik perhatian belia-belia di negara ini daripada terlalai dengan perkara-perkara yang sia-sia dan boleh merosakkan moral mereka.

Sejarah penubuhan

Salah sebuah perkumpulan belia yang terlibat aktif dalam memberikan perkhidmatan dikir dan tausyeh di negara ini adalah Al-Busyra. Pengasas Al-Busyra, Awang Haji Mohammad Ali Wafiuddin bin Haji Osman menjelaskan idea untuk menubuhkan Al-Busyra tercetus setelah mengikuti Program Brunei Youth Leader's Convention yang dianjurkan oleh Perspective Insan Academy, Al-Huffaz Management dan Generasi Berkarihi pada tahun 2019. Lepasan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dengan Diploma Tertinggi Perguruan Ugama ini seterusnya menjelaskan semasa konvensyen berkenaan para peserta diberi pendedahan dan terlibat secara langsung dalam perbincangan mengenai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 yang telah diketuai dan dibimbing oleh

beberapa orang mentor yang terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai kerajaan, pensyarah-pensyarah, pemilik-pemilik syarikat dan sebagainya.

"Selepas menghadiri konvensyen tersebut, saya telah memikirkan apakah perkhidmatan yang saya ingin sumbangkan buat negara kitani. Oleh kerana saya pada asalnya dalam bidang koir dan juga tausyeh, saya pun bermula di sana," ujarnya.

Oleh itu, pada 30 Ogos 2019 beliau menubuhkan perkumpulan persendirian yang diberi nama Al-Busyra, yang pada mulanya hanya memberikan perkhidmatan tausyeh dan dikir. Menurut Awang Haji Mohammad Ali Wafiuddin, perkhidmatan tersebut diberikan memandangkan lagu-lagu tausyeh yang dialunkan itu mengandungi zikrullah dan selawat ke atas Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perkembangan

Ketika ini Al-Busyra mempunyai seramai 35 orang ahli lelaki dan perempuan yang terdiri daripada pelbagai bidang seperti mahasiswa-mahasiswi dan alumni universiti, imam masjid, guru-guru sekolah, pegawai-pegawai kerajaan, pemilik syarikat, artis tempatan dan sebagainya. Sejak penubuhannya juga Al-Busyra telah berkembang dengan bukan hanya sekadar memberi perkhidmatan tausyeh dan dikir sahaja, akan tetapi sudah membuka perkhidmatan-perkhidmatan baharu iaitu perkhidmatan mengadakan majlis mawlid, emcee dan fotografi.

Pada bulan Disember 2023 ini, Al-Busyra telah mengadakan Kelas Tausyeh buat kanak-kanak dan Kelas Darbuka peringkat permulaan dan pertengahan atas kerjasama dengan Faithqalam Enrichment Centre.

Program / perkhidmatan

Menurut Awang Haji Mohammad Ali Wafiuddin, Al-Busyra mendapat perhatian ramai penduduk di negara ini di mana perkumpulan berkenaan telah memberi perkhidmatan untuk majlis-majlis perkahwinan dan juga program-program anjuran sektor kerajaan dan swasta. Beberapa aktiviti yang dijalankan oleh Al-Busyra termasuklah Persembahan Tausyeh Akustik di pentas perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan Julai 2021; menganjurkan Majlis Mawlid sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Kampung Lumapas pada bulan September 2022; menjadi sukarelawan untuk ceramah Ustaz Khairul Mu'az bagi Program Motivasi bagi Pelajar-pelajar PSR, Ma'had Islam Brunei pada bulan Oktober 2022; melancarkan lagu tausyeh 'Ya Hannan Ya Mannan' yang mengandungi unsur nasihat Pencegahan dadah atas undangan Biro Kawalan Narkotik pada Jun 2023; terlibat dengan Majlis Mawlid Kekasih Allah anjuran Biro Keagamaan, Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT) yang telah diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada September 2023. Al-Busyra juga mengetuai qasidah dan juga Dikir Marhaban Syarafil Anam di Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama Kumpulan Addhiyaul Lami' AsSyarif (ADLAS).

Perancangan masa depan

Pada tahun 2024, Al-Busyra akan

membuka satu perkhidmatan baharu daripada cabang perkhidmatan tausyeh kumpulan berkenaan yang diharap akan menarik perhatian ramai peminat-peminat muzik, terutama sekali para belia di negara ini. Selain itu, Al-Busyra juga berhasrat untuk mengadakan majlis keagamaan pada tahun hadapan dengan harapan akan membantu untuk mendidik dan mengukuhkan nilai-nilai keagamaan dalam kalangan rakyat di negara ini.

Harapan

Kepada para belia di negara ini, Awang Haji Mohammad Ali Wafiuddin melahirkan harapan agar belia-belia tidak takut mengambil risiko selagi masih ada kebolehan untuk mencuba perkara-perkara baharu. Dan paling penting sekali ialah meluangkan sebanyak-banyaknya waktu untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui bidang masing-masing, contohnya dalam bidang muzik Islami iaitu tausyeh. Beliau juga menyarankan agar belia-belia terus berpegang dengan agama Allah Subhanahu Wata'ala dengan teguh di dalam hati dan jangan mudah terpesona dengan ajaran-ajaran yang boleh merosakkan dan bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah serta berbanyakkanlah zikir dan selawat terutama sekali pada akhir zaman yang penuh dengan fitnah ini.

Kepada yang berminat untuk menyertai perkumpulan ini, pendaftaran kini dibuka kepada lelaki dan perempuan berusia 35 tahun ke bawah dengan menghubungi +673 8134013 atau melayari Instagram @albusyra.bn bagi maklumat lanjut.





BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melaksanakan operasi penguatkuasa undang-undang di sebuah kafe dan restoran Mukim Gadong.



OPERASI Bersepadu Sakat 169/2023 menyasarkan beberapa buah rumah sewa di dua tempat di Mukim Kianggeh dan melibatkan pemeriksaan secara keseluruhan ke atas lebih dari 50 orang penghuni rumah (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Bandar Seri Begawan, melaksanakan Operasi Bersepadu Sakat 169/2023 bersama agensi-agensi penguatkuasa undang-undang yang melibatkan pegawai dan anggota daripada

Markas Angkatan Bersama (MAB), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Buruh, Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan juga Bahagian Penguatkuasa Ugama (BPU) dan juga unit-unit di bawah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) iaitu Unit Interpol Brunei, Unit Siasatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Disember. - Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melaksanakan operasi penguatkuasa undang-undang, iaitu melalui Operasi Sakat 170/2023 bertempat di dua lokasi berasingan, iaitu di sebuah kafe dan sebuah restoran Mukim Gadong.

Hasil daripada operasi yang dilaksanakan di sebuah kafe di Mukim Gadong, seorang lelaki warganegara asing ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

bekerja dengan menggunakan Pas Lawatan.

Sementara itu, hasil pemeriksaan di sebuah restoran di Mukim Gadong, menemukan seramai tujuh warganegara asing dengan lima orang ditahan untuk siasatan lanjut terhadap pengesahan pasport serta jaminan Pas Lawatan dan dokumen yang berkaitan.

Manakala, dua orang ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana disyaki melakukan beberapa kesalahan, iaitu seorang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3) bekerja dengan majikan asal; dan seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2) bekerja dengan majikan asal, dan 15(3) bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Orang ramai adalah dialu-alukan

bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke

talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

OPERASI BANTERAS KEGIATAN MELANGGAR UNDANG-UNDANG

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Sementara, JKED turut menahan tujuh individu bagi kesalahan di bawah Bab 146, Perintah Eksais 2006 kerana memiliki barang tegahan seperti rokok, vape, perisa vape, pods dan juga minuman keras. Kesemua barang-barang tegahan berkenaan turut dirampas oleh JKED.

Manakala itu, hasil operasi penguatkuasa undang-undang pada sasaran lokasi kedua, JIPK telah memeriksa seramai 11 orang warganegara asing yang mana dua daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, bagi siasatan lanjut kerana kegagalan menunjukkan dokumen perjalanan yang sah.

Hasil daripada Operasi Bersepadu yang dilaksanakan pada sasaran lokasi pertama, JIPK telah memeriksa seramai 10 orang warganegara asing yang mana tiga daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah pasnya mansuh di negara ini.

penyalahgunaan dadah.

Manakala JKED pula menahan empat lagi individu bagi kesalahan di bawah Bab 146, Perintah Eksais 2006 kerana memiliki barang tegahan seperti rokok dan juga minuman keras. Barang-barang tegahan berkenaan turut dirampas oleh JKED.

Operasi Bersepadu ini adalah salah satu usaha berterusan agensi-agensi penguatkuasa undang-undang di Negara Brunei Darussalam dalam misi membanteras dan membendung kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan yang diaktuksaskan di negara ini.

JIPK turut mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

كمترن كصحيت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.pppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

VARIAN JN.1 COVID-19 DIKESAN DI JAKARTA DAN BATAM

JAKARTA, 19 Dis. - Kementerian Kesihatan Indonesia mengesahkan penemuan kes jangkitan COVID-19 varian JN.1 di Jakarta dan Batam, di wilayah Kepulauan Riau, lapor Antara.

Ketua Pengarah Pencegahan dan Kawalan Penyakit Kementerian itu, Maxi Rein Rondonuwu pada Selasa berkata masing-masing

satu kes jangkitan varian JN.1 dikesan di Jakarta Selatan pada 11 November, di Jakarta Timur pada 23 November dan di Batam pada 13 Disember.

JN.1 berkait rapat dengan varian BA.2.86 dan dijangka memberi kesan ke atas kesan dan corak penularan COVID-19.

Rondonuwu berkata berdasarkan

laporan setakat 18 Disember 2023, dua kes kematian akibat COVID-19 direkodkan di Hospital Dr. Mohammad Hoesin di Palembang dan Hospital Wilayah Tarakan, namun bukan disebabkan oleh varian JN.1.

"Seorang pesakit yang meninggal dunia, telah divaksin dua kali dan mempunyai komorbiditi

manakala seorang lagi tidak mengambil vaksin dan mengalami jangkitan paru-paru," katanya.

Laporan perkembangan penularan COVID-19 yang diterbitkan oleh kerajaan pada 18 Disember 2023, menunjukkan



terdapat 2,243 kes baru penularan COVID-19 dengan dua kematian di Indonesia.
- ©BERNAMA

Individu tidak dikenali cuba bakar pejabat Konsulat Greece di New York

ATHENS, 19 Dis. - Individu tidak dikenali cuba membakar pintu masuk Konsulat Jeneral Greece di New York, lapor Sputnik memetik Konsul Jeneral Greece di New York, Dinos Konstantinou, pada Selasa.

"Individu tidak dikenali cuba membakar pintu masuk Konsulat Jeneral Greece di New York menggunakan beberapa bahan

mudah terbakar yang dituangkan ke atas tanaman di situ. Bomba berjaya bertindak pantas untuk mengelak api merebak ke kawasan utama," kata Konstantinou kepada penyiar Greece ERT.

Beliau berkata perbuatan itu bukanlah kali pertama berlaku di konsulat berkenaan.

"Kami tidak mengetahui

puncanya. Identiti penjenayah mungkin dapat dikenal pasti daripada video kamera pengawasan di situ," kata Konstantinou.

Kediaman konsul jeneral dan wakil tetap Greece ke PBB terletak di bangunan yang sama, lapor penyiar itu.

FBI dijangka turut serta dalam siasatan, katanya. - ©BERNAMA

Australia : Siasat kes culik tapi jumpa 722kg kokain

SYDNEY, 19 Dis. - Polis Australia pada Selasa berkata siasatan ke atas komplot penculikan membawa kepada penemuan sebanyak 722 kilogram (kg) kokain di Sydney, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menurut kenyataan Polis New South Wales (NSW) pada Isnin pihaknya menahan empat lelaki selepas menerima laporan tentang cubaan pecah masuk di pinggir bandar Ryde, di sini.

Polis berkata mereka

menggeledah kereta itu dan menemukan barang yang mempunyai kaitan dengan cubaan menculik.

Pasukan penyiasat kemudiannya mengenal pasti mangsa yang dimaksudkan dalam cubaan penculikan itu dan menemukan sebanyak 722 kg kokain dalam sebuah hartaan yang mempunyai kaitan dengan lelaki berusia 24 tahun itu.

Dahaditu dipercayai mempunyai nilai pasaran melebihi AU\$1 bilion

(US\$670 juta).

Keempat-empat lelaki itu didakwa dengan lima kesalahan setiap seorang, termasuk memiliki senjata dengan niat untuk melakukan kesalahan yang boleh didakwa dan menjadi sebahagian daripada kumpulan jenayah.

Mangsa yang menjadi sasaran culik pula didakwa membekalkan kuantiti komersial dadah terlarang dan sengaja berurusan dengan hasil jenayah.

Polis NSW berkata mereka percaya empat lelaki itu memasuki kompleks unit itu dengan niat untuk merompak dan menculik penghuninya. - ©BERNAMA

Libya, Itali tandatangani perjanjian kerjasama pengangkutan udara

TRIPOLI, 18 Dis. - Kementerian Pengangkutan Libya dan Pihak Berkuaesa Penerbangan Awam Itali Pierluigi Di Palma dan Setiausaha Bahagian Pengangkutan Libya Khaled Swesi di sini.

Kenyataan berkenaan memaklumkan perjanjian pengangkutan udara itu akan memudahkan penyambungan semula penerbangan antara Eropah dan Libya manakala memorandum kerjasama teknikal antara institusi penerbangan awam

akan menyumbang kepada meningkatkan kecekapan kakitangan penerbangan awam.

Penerbangan langsung antara Libya dan Itali disambung semula pada September selepas terhenti hampir 10 tahun.

Pada Dis 2014, Suruhanjaya Eropah melarang semua syarikat penerbangan Libya daripada beroperasi di ruang udara EU dengan alasan keselamatan. - ©BERNAMA

Rakyat Chile tolak cadangan kedua referendum perlembagaan baharu

BUENOS AIRES, 18 Dis. - Buat kali kedua rakyat Chile menolak cadangan perlembagaan baharu dalam referendum pada Ahad, lapor Agensi Berita Jerman dpa.

Lebih setahun lepas, pengundi menolak draf itu manakala pada Ahad menyaksikan 55.7 peratus rakyat mengundi 'tidak' kepada draf majlis perlembagaan yang didominasi oleh parti konservatif, menurut pejabat pilihan raya selepas lebih 95 peratus undi dikira.

Lebih 44 peratus mengundi menyokong cadangan perlembagaan baharu itu.

Pengkritik, termasuk kerajaan

atas kiri mendakwa beberapa bidang hak asasi tertentu dalam perlembagaan baharu itu satu langkah ke belakang.

Sebagai contoh, draf itu boleh menyekat hak untuk melakukan pengguguran, membolehkan pengusiran serta-merta warga asing dan mewujudkan kelebihan cukai untuk pemilik rumah.

Tahun lepas, majoriti besar rakyat Chile menolak draf perlembagaan yang sangat progresif. Draf cadangan itu bermatlamat menjamin hak untuk perumahan, kesihatan dan pendidikan selain hak bagi komuniti

pribumi Chile untuk menentukan nasib mereka sendiri.

Ia juga memberi mandat kepada wanita untuk mengisi separuh dari semua jawatan dalam kerajaan.

Cadangan progresif tersebut berkesempatan terlalu berpandangan jauh bagi masyarakat konservatif Chile.

Perlembagaan sedia ada digubal semasa zaman kerajaan tentera di bawah Jeneral Augusto Pinochet (1973-1990).

Perlembagaan baharu itu merupakan antara tuntutan utama dalam protes yang melanda seluruh negara pada tahun 2019. - ©BERNAMA

Letusan gunung berapi cetus langkah kecemasan di Iceland

HELSINKI, 19 Dis. - Sebuah gunung berapi meletus pada Isnin di Semenanjung Reykjanes, barat daya Iceland, kata Pejabat Meteorologi Iceland.

Pejabat itu berkata, letusan berlaku berhampiran Sundhukagigar, kira-kira empat kilometer (km) timur laut bandar Grindavik dan ia boleh dilihat pada kamera web berhampiran.

Letusan itu bermula pada 10.17 malam waktu tempatan (2217 GMT) susulan gempa bumi kira-kira 9 malam (2100 GMT) pada Isnin, lapor Xinhua.

Pesuruhjaya Polis Kebangsaan Iceland menaikkan Tahap Perkhidmatan Perlindungan Awam daripada Amaran kepada Kecemasan sebagai tindak balas kepada letusan itu.

Putus Penyelaras Pertahanan Awam juga diaktifkan. Pihak berkuasa meminta orang ramai tidak pergi ke lokasi letusan dan anggota kecemasan sedang memantau keadaan.

Semua jalan ke bandar Grindavik ditutup manakala lalu lintas adalah dilarang termasuk Highway 41, jalan utama di sepanjang bahagian utara Semenanjung Reykjanes yang menghubungkan kawasan Reykjavik dan Lapangan Terbang Antarabangsa Keflavik.

Sejak 24 Okt, ahli meteorologi Iceland telah memantau peningkatan aktiviti seismik di Semenanjung Reykjanes, yang mungkin menandakan letusan gunung berapi yang akan berlaku.

Sebagai langkah berjaga-jaga, pihak berkuasa memindahkan hampir 4,000 penduduk dari bandar Grindavik di Semenanjung Reykjanes pada 10 Nov. - ©BERNAMA

Sisi menang pilihan raya Presiden Mesir dengan majoriti besar

KAHERAH, 19 Dis. - Pihak Berkusa Pilihan Raya Kebangsaan (NEA) Mesir pada Isnin mengumumkan penyandang Presiden Abdel-Fattah al-Sisi memenangi pilihan raya presiden 2024 dengan meraih kira-kira 40 juta atau 89.6 peratus undi, lapor Xinhua.

Dalam sidang media di Kaherah, Pengerusi NEA, Hazem Badawy berkata hampir 44.8 juta rakyat di dalam dan di luar negara mengundi dalam pilihan raya kali ini daripada kira-kira 67 juta pengundi yang layak.

Peratusan keluar mengundi sebanyak 66.8 peratus, peratusan keluar mengundi tertinggi dalam sejarah Mesir.

Hazem Omar calon Parti Rakyat Republikan meraih 4.5 peratus undi diikuti oleh Farid Zahran dari Parti Sosial Demokrat dan Abdel Sanad Yamama dari Parti Al-Wafid Mesir.

Susulan pengumuman keputusan pilihan raya, Sisi menyampaikan ucapan kepada negara dan beliau berkata: "Memilih saya untuk misi memimpin negara ini adalah tanggungjawab yang saya akan galas dengan setia."

"Negara ini sedang bergelut dengan pelbagai cabaran di semua peringkat dengan konflik di Gaza adalah antara cabaran utama yang mengancam 'keselamatan Mesir'.

"Kita memiliki keupayaan ketenteraan dan ekonomi untuk mengekalkan keselamatan negara dan kepentingan rakyat," kata presiden Mesir itu.

Pengundian di Mesir berlangsung dari 10 hingga 12 Dis manakala rakyat Mesir di luar negara mengundi dari 1 hingga 3 Dis di 121 negara. - ©BERNAMA

Korea Utara lancar peluru berpandu ke Laut Jepun

MOSCOW, 18 Dis. - Korea Utara melancarkan peluru berpandu balistik yang tidak dikenal pasti ke arah Laut Jepun, lapor Sputnik memetik Agensi Berita Yonhap.

Ketua Turus Bersama Korea Selatan tidak memberikan sebarang maklumat mengenainya, menurut laporan.

Pada Ahad, agensi berita itu melaporkan bahawa Korea Utara telah menembak peluru jarak dekat yang terbang sejauh 570 kilometer dan jatuh ke Laut Jepun.

Sementara itu, di Tokyo, Kementerian Pertahanan Jepun berkata peluru berpandu Korea Utara yang dilancarkan itu dijangka jatuh pada 9.37 pagi waktu tempatan (0037 GMT) di luar zon ekonomi eksklusif Jepun, seperti yang dilaporkan oleh penyiar NHK pada Isnin.

Berkemungkinan peluru itu ditembak pada 2324 GMT dengan trajektori yang tinggi dan dijangka jatuh berdekatan utara pulau Hokkaido. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



KETENGAHKAN TEKNIK SUKAN BOLA JARING



KLINIK Bola Jaring semasa cuti persekolahan ini yang dibukakan bagi penyertaan para pemain dan kanak-kanak yang ingin mengenali sukan berkenaan bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah (kiri dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Isnin, 18 Disember. - Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam (BNA) mengungkayahkan Klinik Bola Jaring semasa cuti persekolahan ini yang dibukakan bagi penyertaan para pemain dan kanak-kanak yang ingin mengenali sukan berkenaan.

Klinik Bola Jaring berkenaan diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga Rabu, 20 Disember 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan

bayaran bagi setiap penyertaan adalah sebanyak BND3 sahaja.

Sasaran bagi klinik berkenaan adalah para pemain dan kanak-kanak kategori umur bawah 10 tahun; bawah 15 tahun dan bawah 19 tahun.

Melalui pengisian klinik berkenaan, para pemain akan diberikan pendedahan kemahiran fundamental (*fundamental skills*) di samping mempelajari kemahiran baharu; kecerdasan (*to boost speed and agility*); percaya diri; semangat berpasukan;

menghormati pendapat orang lain dan sebagai mengisi masa lapang semasa cuti sekolah.

Dalam pada itu, klinik berkenaan juga dihasrat untuk memberi pendekatan kemahiran-kemahiran bola jaring di usia awal, dan sebagai landasan pencarian para atlet bola jaring untuk dilatih secara berterusan dan sistematis.

Para pemain akan dilatih oleh para jurulatih yang terdiri daripada jurulatih berpengalaman dan dibantu oleh para pemain bola jaring kebangsaan dan para pemain bawah 21 tahun yang pernah mewakili negara dalam kejohanan antarabangsa.

Semasa klinik berkenaan dijalankan, para pemain akan dibahagikan kepada beberapa kurikulum antaranya Fundamental Netball bagi pemain berumur 5 tahun hingga 9 tahun; Development Netball bagi umur 10 tahun hingga 12 tahun; Advance Netball bagi umur 13 tahun hingga 16 tahun dan Elite Netball bagi mereka yang berumur 17 tahun ke atas.

Antara kemahiran yang diajar termasuk kemahiran pergerakan (*movement skills*), kemahiran koordinasi dan bola, *attacking*, *defending*, *goal shooting*, *game / court play* dan strategi permainan.

Eratkan perpaduan, tingkatkan keunggulan sukan

Siaran Akhbar dan Foto :
Kelab Biliard Zargo



PRESIDEN Kelab Biliard Zargo, Vicente Gavino Cyrus D. Cabrera, Jr. semasa berucap (kiri), manakala gambar tengah, Jonathan Diaz muncul juara pada pertandingan berkenan manakala naib johan disandang oleh Md. Qusyairi bin Zainuddin. Sementara gambar kanan, para peserta semasa sesi bergambar ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Disember. - Kelab Biliard Zargo, Ahli Gabungan Persatuan Filipina sentiasa berusaha untuk meluaskan skop perkhidmatan dan acaranya untuk komuniti.

Sehubungan itu, Pertandingan Zargo 9-ball Open with Handicap 2023 telah diadakan baru-baru ini berlangsung di FJ

Billiard (Master Alim Pool), Kiulap.

Seramai 34 pemain terdiri daripada warga tempatan, Filipina dan Malaysia telah menyertai pertandingan ini. 16 peserta telah mara ke pusingan seterusnya namun hanya lapan pemain berjaya mara ke suku akhir.

Jonathan Diaz muncul juara pada pertandingan ini dengan membawa pulang

sebuah trofi dan wang tunai sebanyak BND200. Sementara itu, naib johan disandang oleh Md. Qusyairi bin Zainuddin dengan membawa pulang sebuah trofi dan BND100.

Manakala semi finalis yang lain iaitu Lim Yuong Wee dan Haji Md. Khairuddin bin Haji Hasnan juga masing-masing membawa

pulang medal dan BND50.

"Objektif penganjuran acara seperti ini adalah untuk mengeratkan hubungan sesama ahli kelab, menggalakkan kesejahteraan umum dan meningkatkan keunggulan sukan itu di negara ini," ujar Presiden Kelab Biliard Zargo, Vicente Gavino Cyrus D. Cabrera, Jr.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SIFAT MALU SEBAHAGIAN DARIPADA IMAN